

KITABUL MU'MIN

Diterjemahkan secara bebas oleh Mohammad Husayn

[Diterjemahkan daripada buku **Kitabul Mukminin, Status Of A Believer In World And Hereafter**, Oleh Maulana Syed Murtadha Husayn, PeerMohamad Ebrahim Trust, Karachi, 1974.]

Latarbelakang Penyusun Kitab Ini

Bapa kepada Husayn bin Saeed ialah Hamad bin Saeed bin Mehran adalah seorang bekas hamba Imam Zainal Abidin AS. Beliau merupakan seorang syi'ah yang mukhlis dan amat cinta kepada pelajaran. Beliau namakan dua orang puteranya, yang tua bernama Hasan dan adiknya bernama Husayn (pengarang kitab ini). Husayn dilahirkan pada kira-kira di antara 185H-190H dan dikenali sebagai pengikut Imam Ali Redha AS. Husayn dan abangnya Hasan dikenali sebagai tokoh-tokoh yang tsiqah dalam periwayatan hadith. Mereka telah menulis kitab-kitab Tauhid dan Usuluddin. Mereka memperolehi pendidikan daripada ulama Islam pada ketika itu dan juga menjadi murid kepada Imam-imam pada zamannya. Mereka berdua mempunyai akal yang cerdas dan amat cinta kepada ilmu pengetahuan. Dikatakan kedua bersaudara ini telah menyusun 30 buah kitab dan kitab-kitab ini amat dikenali di kalangan ulama.

Ibn Nadim berkata, "Hasan dan Husayn merupakan dua orang putera Saeed adalah pengikut Imam Ali Redha AS dan ulama besar pada ketika itu. Mereka pakar dalam bidang Tauhid, Sejarah, Hadith, Fadail Keturunan Nabi SAWAW dan lain-lain bidang dalam mazhab Syi'ah. Mereka tinggal di Kufah dan dari kelompok "Ahwaz." (Al-Fihrist, hlm. 310).

Husayn bin Saeed mendapat penghormatan melihat dan menjadi murid kepada tiga Imam AS iaitu Imam Ali Redha AS, Imam Mohammad al-Taqi AS dan Imam Ali Naqi AS. Beliau amat dihormati dan dipercayai oleh para ulama dan ahli hadith pada zamannya.

Kitab ini mengandungi 199 hadith; 2 daripada Nabi SAWA, 4 daripada Amirul Mu'minin Ali AS, 2 daripada Imam Ali Zainal Abidin AS, 37 daripada Imam Mohammad al-Baqir AS, satu daripada Imam Musa al-Kazim AS, 3 daripada Imam Ali Redha AS, dan lain-lain daripada Imam Ja'far al-Sadiq AS. Kebanyakan hadith-hadith ini telah juga disebut dalam kitab-kitab hadith Ahlul Sunnah. Umumnya riwayat-riwayat ini disebutkan tanpa menyebut perawi-perawinya tetapi dalam kitab-kitab lain perawi-perawinya telah disebutkan secara lengkap. Allamah Noori berkata, "Kitabul Mu'min hasil susunan Husayn bin Saeed adalah salah satu daripada 30 kitab hadith yang sahih dan dipercayai."

Kitab ini mengandungi tajuk-tajuk berikut:

- 1) **Kadar Beratnya Penderitaan Orang-orang Mu'min**
- 2) **Kemuliaan Dan Ganjaran Yang Di Jamin oleh Allah SWT Kepada Mu'min**
- 3) **Persaudaraan Di Kalangan Mu'min**

- 4) **Hak-hak Orang Mu'min Ke atas Saudaranya**
- 5) **Balasan Syurga Bagi Orang Yang Membantu Memenuhi Keperluan Dan Kesusahan Orang-orang Mu'min Serta Memberikan kemudahan Kepada Mereka**
- 6) **Ziarah Orang Mu'min Yang Sakit**
- 7) **Tentang Balasan Syurga Kerana Memberi Makan dan Pakaian Serta Membayarkan Hutang Orang Mu'min**
- 8) **Tentang Perkara Yang Tidak Patut Dilakukan Kepada Orang-orang Mu'min**

Bab I

Kadar Beratnya Penderitaan Orang-orang Mu'min

1. Zurarah berkata bahawa beliau telah mendengar daripada Aba Ja'far Imam Muhammad Baqir AS, katanya, "Terdapat semua kebaikan dalam apa yang ditetapkan Allah kepada orang-orang beriman."
2. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apa yang ditetapkan Allah ke atas orang-orang mukmin adalah baik untuk dirinya." Kemudian Imam membacakan ayat Qur'an seperti berikut:
 "Allah menyelamatkan orang-orang mukmin daripada kejahatan pengikut-pengikut fir'aun." (45: 41)
 dan malahan mereka telah merampas kuasa dan membunuhnya. Maka Allah menyelamatkannya daripada mereka iaitu dengan melindunginya daripada jatuh ke jalan kesesatan bersama mereka.
3. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Jika orang-orang mukmin mengetahui betapa banyaknya anugerah Ilahi kepada mereka ketika mereka mengalami penderitaan, nescaya dia akan mengharapkan dirinya dipotong-potong dengan gunting."

Pencinta Ahlul Bait AS Di Uji Dengan Penderitaan Kemiskinan Dan Kematian

4. Saad bin Turaif berkata beliau bersama Hazrat Imam Muhammad Baqir AS ketika Jameelul Azraq datang dan mereka mula bercakap-cakap tentang penderitaan para Syi'ah dan apa yang telah dilakukan terhadap mereka. Pada saat ini Hazrat Imam Muhammad al-Baqir AS berkata dalam majlis itu, "Ada di kalangan Syi'ah menemui Hazrat Imam Zainal Abidin AS dan Abdullah bin Abbas RA dan mereka menyatakan tentang penderitaan yang mereka alami melebihi daripada golongan yang lain. Mereka juga menemui Imam Husayn AS dan menyatakan hal yang sama kepadanya. Imam Husayn berkata kepada mereka, "Demi Allah, penderitaan, kemiskinan dan kematian adalah lebih dekat kepada mereka yang mencintai kami. seperti kuda-kuda berlari dan air yang mengalir

deras sampai ke destinasi masing-masing dan awaslah jika ini tidak berlaku, mereka bukanlah dari kami.”

Nota: Hadith ini menunjukkan pada zaman Muawiyah berkuasa, golongan Syi'ah Ali AS berada dalam tekanan yang hebat dari pihak penguasa seperti pembunuhan. Pada ketika itu berpegang teguh kepada Ahlul Bait AS bererti mengundang penderitaan, kemiskinan dan kematian. Selain daripada ini, pada zaman Imam Ali Zainal Abidin dan pada zaman ayahandanya Imam Husayn AS mempunyai pengikut-pengikut seperti Abdullah bin Abbas RA.

5. Asbugh bin Nubatah berkata beliau bersama Amirul Mu'minin Ali AS, ketika seorang lelaki menemuinya dan mengisytiharkan sumpah bahawa dia (lelaki itu) mencintainya (Amirul Mu'minin Ali AS). Amirul Mu'minin AS berkata kepadanya:”Baiklah, cinta kami ditetapkan kepada mereka yang mencintai kami. Ia adalah suatu takdir. Sekarang, bersedialah untuk menghadapi kemiskinan kerana aku telah mendengar Nabi SAWAW berkata kemiskinan akan menimpa para pencinta kami lebih cepat daripada banjir yang sampai ke suatu lembah.”

Nota: Amirul Mu'minin AS ingin menyatakan kepada orang itu bahawa setiap para pengikutnya yang sebenar hendaklah sentiasa berpegang kukuh kepada iman dalam setiap keadaan yang menyimpannya.

6. Fuzail bin Yasar berkata bahawa dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata syaitan dan keturunannya akan sentiasa berlegar-legar keatas mukmin seperti mana lalat terbang berlegar-legar menghurungi seketul daging.

Kesabaran Ketika Menghadapi Penderitaan Memperolehi Ganjaran dari Allah SWT

7. Imam Muhammad al-Baqir dan Imam Ja'far al-Sadiq berkata bahawa orang-orang Mu'min yang ditimpa kesusahan dan bersabar akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT dengan pahala seribu syuhada.
8. Abul Hasan Imam Musa al-Kazim AS berkata,”Barang siapa di kalangan Syi'ah kami menghadapi penderitannya dengan kesabaran dan keteguhan iman akan menerima ganjaran pahala seribu syuhada.
9. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa Allah berfirman kepada Nabi Musa AS,”Wahai Musa, Aku tidak menjadikan sesiapa jua kekasihKu selain makhlukKu orang-orang Mu'min. Kadang-kadang Aku menimpakannya penderitaan yang sebenarnya lebih baik untuknya. Aku berikannya apa yang terbaik untuknya dan menjauhkannya daripadanya untuk perkara yang lebih baik untuknya. Maka, dia hendaklah bersabar menghadapi penderitaan dengan kesabaran. Dia hendaklah redha dengan takdirKu dan bersyukur ke atas pemberianKu. Dan apabila dia bersikap demikian, Aku memasukkannya di kalangan orang-orang yang

beriman, kerana dia bertindak mengikut ketentuanku dan taat kepada perintahku.”

Penderitaan Adalah Kafarah Kepada Dosa

10. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata Nabi Musa bin Imran AS mempunyai seorang saudara dalam iman, yang amat dicintainya dan dihormatinya. Pada suatu ketika seorang lelaki datang menemui saudaranya itu dan meminta kepadanya pergi menemui seorang raja yang zalim dari kalangan Bani Israil. Saudara Nabi Musa AS itu berkata dia tidak hubungan dengan raja tersebut dan tidak pernah meminta lelaki itu sebarang pertolongan. Lelaki itu berkeras juga dan berkata Allah akan memberikan ganjaran yang besar kepadanya jika saudara Nabi Musa itu memenuhi hajatnya pergi menemui raja tersebut. Saudara Nabi Musa itu akhirnya pergi juga kerana berasa kasihan kepada lelaki itu. Ketika raja itu melihat saudara Nabi Musa AS yang alim itu, raja itu amat menghormatinya dan memberikannya apa juga yang dikehendaknya. Kemudian selang beberapa hari, raja tersebut ditimpa sakit dan meninggal dunia. Ketika itu ramai orang hadir untuk membawa mayatnya dan semua pasar di negara itu ditutup kerana berkabung dan meratapi kematian raja tersebut. Kemudian dengan takdir Allah, saudara Musa AS yang alim itu meninggal dunia pada hari yang sama. Tetapi disebabkan dia tinggal sendirian dan menutup pintu rumahnya dari dalam, maka tidak ada sesiapa pun yang tahu tentang kematiannya. Hal ini berlaku sehingga tiga hari. Begitu juga Nabi Musa AS tidak mengunjunginya selama tiga hari. Pada hari keempat Nabi Musa berfikir tentang saudaranya itu dan pergi ke rumahnya. Apabila Nabi Musa membuka pintu dan masuk ke dalam rumah, beliau mendapati saudaranya itu telah meninggal dunia. Ulat-ulat sedang menyelusuri tubuhnya dan membaham wajahnya. Melihat keadaan ini Nabi Musa amat terharu dan berdoa kepada Allah, "Tuhanku, musuh Engkau mati dan sekumpulan ramai orang berkumpul meratapinya. Dan pada masa yang sama 'sahabat' Mu meninggal dunia dan ulat-ulat memakan tubuh dan wajahnya." Allah SWT menjawab kepada Nabi Musa AS, "Wahai Musa, 'sahabat' Ku pergi menemui orang zalim itu dan meminta pertolongan daripadanya. Raja zalim itu menghormatinya dan memberikan apa juga permintaannya. Justeru, sebagai ganjaran di dunia, Aku kumpulkan di dunia ini rakyatnya meratapinya supaya dia tidak lagi meminta kepadaKu di akhirat kelak. Dan aku izinkan ulat di atas tubuh orang mu'min itu kerana dia telah pergi menemui raja zalim itu dan meminta sesuatu, daripada berdoa kepadaKu. Dengan cara ini Aku mahu supaya tidak ada lagi dosa yang tinggal ke atasnya yang akan menerima balasan di akhirat kelak."

11. Imam Muhammad al-Baqir AS berkata jika Allah SWT mahu memberikan kemuliaan kepada seseorang, dan orang itu ada dosa-dosa dalam

- hisabnya, Dia (Allah SWT) mengizinkannya menderita dengan beberapa penyakit; jika tidak demikian, Dia meletakkannya dalam keadaan kemiskinan; dan jika tidak demikian Dia meningkatkan penderitaannya pada saat kematiannya. Dan apabila Allah mahu menghina seseorang dan orang itu mempunyai beberapa amal baiknya dalam hisabnya, Dia akan memberikannya kesihatan yang baik; jika tidak demikian Dia memberikannya dengan kekayaan; jika tidak demikian, Dia mengurangkan penderitaannya pada saat kematiannya.
12. Imam yang sama meriwayatkan Allah SWT mengisyharkan dengan bersumpah bahawa apabila seseorang menghajatkan rahmatNya, Dia akan menghukumnya di atas segala amal buruknya di dunia ini, kadang-kadang dengan mengurangkan sumber rezekinya, kadang-kadang dengan penyakit pada tubuhnya dan kadang-kadang dengan meresahkan fikirannya. Dan jika masih berbaki lagi amal buruknya itu, penderitaan di saat kematiannya akan ditingkatkan. Begitu juga Allah SWT mengisyharkan jika seseorang patut mendapat kemurkaanNya, dia akan dibalas segala kebbaikannya di dunia ini dan kadang-kadang dengan meningkatkan sumber rezekinya, kadang-kadang dengan kesihatan tubuh badannya yang baik dan kadang-kadang dengan memberikan keselesaan dalam fikirannya. Dan jika masih berbaki, maka penderitaan di saat kematiannya dikurangkan.
13. Imam yang sama AS berkata bahawa seorang Nabi dari kalangan Nabinabi Bani Israil berjalan melewati seorang mu'min yang baru sahaja meninggal dunia di sebabkan terhempap tembok yang jatuh. Sebahagian daripada anggota tubuhnya berada di bawah tembok dan sebahagian lagi tubuhnya di luar tembok. Bahagian tubuhnya yang di luar tembok di makan anjing dan burung-burung pemakan bangkai. Selepas menyaksikan kejadian ini, Nabi berkenaan memasuki sebuah kota di mana ada orang besar baru sahaja meninggal dunia. Tubuhnya di bungkus dengan kain sutera dan wangi-wangian di bakar di sekelilingnya. Menyaksikan dua keadaan yang bertentangan itu, Nabi berkenaan rasa amat hairan. Dia berkata, "Wahai Tuhanku, tidak diragui, Engkau Maha Berkuasa. Engkau tidak pernah melakukan kezaliman kepada makhluk-makhlukMu. Tetapi aku kini bingung untuk memahami mengapa lelaki yang beriman itu menemui kematiannya dalam keadaan yang menyedihkan padahal lelaki yang tidak pernah beriman kepadaMu itu menemui saat kematiannya secara aman dan di hormati." Allah SWT mewahyukan kepada Nabi tersebut, "Tidak diragui Aku Maha Berkuasa. Rahsia kejadian yang bertentangan itu disebabkan orang yang beriman itu mempunyai dosa, maka Aku tidak mahu menghukumnya di akhirat kelak, maka dia menemui kematiannya seperti itu yang akan menghapuskan dosa-dosanya daripada dirinya. Dan orang kafir itu mempunyai beberapa amal kebaikan ketika hidupnya, maka Aku mengizinkan kesenangan di dunia ini diberikan kepadanya sebagai balasan terhadap amal kebbaikannya itu. Dan pada hari akhirat kelak dia tidak mempunyai apa-apa lagi amal kebaikan."

14. Ibn Abi Umair meriwayatkan daripada senarai periwayat-periwayat, bahawa Nabi Musa AS sedang berjalan di tepi tebing sungai. Pada ketika itu seorang nelayan datang ke tempat itu dan terus bersujud kepada matahari dan berdoa kepadanya. Selepas menyembah matahari itu, dia terus mencampakkan jaringnya ke sungai dan dalam tempoh masa yang singkat, dia dapat menarik jaringnya itu ke darat dengan ikan yang banyak. Kemudian dia mencampakkan jaringnya sekali lagi dan kali ini juga jaringnya dipenuhi ikan. Dia terus mengulangi perbuatannya untuk kali ketiga dengan hasil yang sama dan dengan hati yang puas dia pergi dari situ dengan hasil tangkapannya itu. Selepas beberapa ketika seorang yang lain datang ke tebing sungai itu. Dia mengambil wudhuk dan berdiri mengerjakan solat kepada Allah. Selepas mengungkapkan doa dan tunduk kepada Allah, doa terus mencampakkan jaringnya ke dalam sungai tetapi apabila diangkatnya jaringnya itu tiada ada seekor ikanpun yang terlekat. Dia mencampakkan lagi jaringnya ke dalam sungai itu dan hasilnya masih lagi kosong. Dia mencampakkan jaringnya ke dalam sungai buat kali ketiga tetapi hasilnya tetap juga kosong. Kemudian pada kali keempat, dia berjaya mendapat seekor ikan yang kecil. Pada saat ini, dia bersyukur kepada Allah, memuji-mujiNya dan berlalu dari situ dengan ikan kecil tersebut.

Melihat perkara ini, Nabi Musa AS amat takjub dan menyeru kepada Allah, "Tuhanku, orang pertama datang dan secara terang-terang mengingkari perintahMu dengan menyembah matahari. Tetapi setiap kali dia mencampakkan jaringnya ke dalam sungai dia berjaya mendapat ikan yang banyak sehingga dia berpuasa hati dan berlalu dari tebing sungai ini. Kemudian orang kedua datang ke tebing sungai ini, beliau merupakan orang yang beriman, mengambil wudhuk dan berdiri berdoa kepadaMu. Dia memuji-muji kemurahan rahmatMu dan berdoa kepadaMu dengan bersungguh-sungguh tetapi untuk kali ketiga berturut, dia tidak mendapat walau seekor ikan pun. Pada kali keempat, dia hanya memperolehi seekor ikan yang kecil. Walaupun demikian dia tetap bersyukur kepadaMu dan memuji kemurahan rahmatMu. Tuhanku, aku tidak mengetahui mengapa Engkau mengizinkan perbezaan ini."

Allah SWT memerintahkan Nabi Musa AS melihat kejadian itu dari sudut pandangan kanan. Di situ Nabi Musa AS dapat melihat Allah SWT memberikan ganjaran kepada orang beriman itu di akhirat kelak. Kemudian Nabi Musa AS diperintahkan melihat pada sisi kiri pula. Maka di situ dia akan dapat melihat apakah balasan yang disediakan untuknya pada hari akhirat kepada orang kafir itu. Kemudian Allah berfirman kepada Nabi Musa AS, 'Wahai Musa, dengan hasil yang terakhir dan muktamad itu apakah yang akan diperolehi oleh orang kafir dan apakah kerugian yang akan menimpa orang-orang yang beriman?'

Pada peringkat ini, Nabi Musa AS terus bersujud dan berkata, "Tuhanku, adalah menjadi kewajiban kepada orang-orang yang beriman kepadaMu redha kepada apa yang Engkau berikan kepada mereka."

Sentiasa Bersabar Kepada Kehendak Allah

15. Ishaq bin Ammar berkata beliau mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Asas kepada ketaatan kepada Allah adalah redha kepada apa Allah takdirkan kepada seseorang sama ada hal itu dia sukai atau tidak sukai kerana apa sahaja yang Allah takdirkan adalah baik."
16. Yunus bin Ribat melaporkan beliau mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata para pengikut kebenaran akan sentiasa mengalami penderitaan tetapi jangka masa mereka memperolehi keamanan dan kesenangan akan berkekalan.
17. Simaah berkata bahawa dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Allah telah mengizinkan musuh-musuhNya melakukan terhadap 'sahabat-sahabat'Nya (orang-orang beriman) menjadi mangsa mereka dalam dunia ini.

Orang Ramai Membenci Orang Yang Mencintai Allah

18. Mufazzal bin Umar meriwayatkan dia bersama Imam Ja'far al-Sadiq AS ketika seorang menyatakan kepada Imam bahawa ada setengah orang yang mendakwa bahawa apabila Allah mencintai seseorang, Dia akan meletakkan perasaan cinta di hati-hati orang ramai kepada orang ini, dan apabila Allah membenci seseorang, Dia meletakkan perasaan benci kepadanya di hati-hati orang ramai.
- Mufazzal berkata pada ketika itu Imam sedang berbaring di atas tilam tetapi ketika mendengar perkara ini, beliau bangkit dan berkata, "Tidak seperti itu tetapi apabila Allah mencintai seseorang, Dia akan membiarkan orang ramai berpaling daripadanya. Mereka akan membuat fitnah terhadapnya dan hal ini akan menambahkan ganjaran pahala kepadanya di akhirat dan menambahkan dosa-dosa mereka. Dan apabila Allah membenci seseorang, Dia mengizinkan orang ramai mencintai orang itu. Mereka akan menyatakan perkara-perkara yang menambahkan dosa-dosa mereka dan dosa orang itu. Katakan kepadaku adakah sesiapa yang lebih mencintai Allah daripada Nabi Yahya bin Zakaria AS pada ketika itu? Tetapi kita mengetahui orang ramai berpaling daripadanya dan melakukan perkara yang mereka lakukan (akhirnya mereka membunuhnya). Begitu juga adakah ada sesiapa yang mencintai Allah lebih daripada Imam Husayn AS pada masa hidupnya? Tetapi kamu mengetahui orang ramai berpaling daripadanya dan membunuhnya tanpa belas kasihan. Siapakah pula yang lebih membenci Allah daripada si polan dan si polan? Tetapi kamu semua melihat apakah

yang dikatakan oleh orang ramai terhadap mereka ini. Maka amatlah salah apa yang didakwa oleh mereka itu.”

19. Zaid –e-Shahham berkata Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Apabila Allah mencintai seseorang Dia mengizinkan mereka berpaling daripadanya.”
20. Abu Hamzah Thumai meriwayatkan dia mendengar Imam Muhammad Baqir AS berkata Allah SWT bersumpah bahawa orang-orang beriman akan ditimpa empat perkara penderitaan. Pertama, dan yang paling mudah, orang beriman yang lain akan cemburu kepadanya. Kedua, apabila orang-orang munafiq akan mengikuti langkahnya dan menggangukannya. Ketiga, apabila syaitan akan datang untuk berusaha untuk menjauhkannya daripada jalan yang lurus. Keempat, apabila orang kafir menganggap memeranginya sebagai perang suci. Maka, bagaimanakah seorang mu’min dapat menjauhkan diri daripada perkara-perkara ini? Soal Imam kepada mereka.

Kenikmatan Dunia Di jauhkan Daripada Orang-orang Beriman

21. Hamran meriwayatkan kepada Imam Kelima, Muhammad al-Baqir AS, berkata, “Seorang Mu’min mempunyai kemuliaan pada pandangan Allah, dan jika dia meminta kepadaNya seluruh isi syurga, Dia tidak akan menolak doanya itu. Dan ia tidak akan mengurangkan kerajaan Allah Yang Maha Berkuasa. Tetapi jika orang yang sama ini, berdoa kepada Allah untuk mendapat sekaki tanah di dunia ini, Dia akan menolak doa tersebut. Sebaliknya seorang kafir yang amat dibenci Allah, jika dia memintanya untuk seisi dunia ini Dia akan memberikannya. Dan pemberian itu tidak akan mengurangkan sedikitpun kerajaannya. Tetapi jika orang kafir itu meminta sekaki tanah di syurga, dia pasti tidak akan mendapatkannya. Allah mengirimkan penderitaan dunia kepada orang-orang mu’min umpama seseorang mengirimkan hadiah kepada keluarganya. Dan Allah Yang Maha Berkuasa melindungi orang-orang beriman daripada keuntungan dunia sama seperti seorang doctor melindungi pesakitnya daripada apa-apa yang membahayakan dirinya.”
22. Mohammad bin Ajlaan meriwayatkan dia mendengar Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Ada beberapa orang yang dipilih Allah. Orang-orang yang apabila kesusahan menimpa kehidupan mereka, maka orang-orang itu pergi menemui mereka. Dan apabila keamanan dan kemewahan diperolehi, mereka memberikannya kepada orang lain. Tetapi pada masa yang sama orang-orang pilihan Allah ini mempunyai cahaya dalam diri mereka yang menerangi seluruh bumi.”
23. Abu Hamzah meriwayatkan Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Allah mempunyai orang-orang pilihan yang dipelihara daripada semua penderitaan. Mereka hidup dengan aman, mendapat rezeki mereka dengan aman dan mati dengan tenang. Mereka akan dibangkitkan dalam keadaan aman dan masuk ke syurga dengan aman.”

Nota: Hadith ini menunjukkan bahawa tidak semestinya semua orang Mu'min mengalami penderitaan.

24. Yazid bin Khalifa meriwayatkan bahawa Ima Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Allah tidak pernah mentakdirkan sebarang sesuatu kepada orang-orang mu'min melainkan apa yang baik baginya."
25. Imam yang sama AS berkata bahawa Allah memelihara orang-orang mu'min jauh daripada perkara-perkara yang tidak disukaiNya walaupun ia disukai orang-orang beriman tersebut umpama tuan unta memelihara unta-untanya daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada unta-unta tersebut.
26. Imam yang sama AS berkata Allah memelihara orang-orang beriman. Tidak ada satu haripun daripada 40 hari berlalu tanpa satu penyakit pada tubuhnya, atau perkara yang buruk menyimpannya atau hartanya atau lain-lain perkara yang buruk tetapi segala nasib buruk yang menyimpannya itu akan meningkatkan ganjaran pahala kepadanya di akhirat kelak.
27. Ibn Hamran berkata, bahawa beliau mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Tidak ada satu haripun daripada 40 hari berlalu ke atas seorang mu'min tanpa sesuatu hal yang mengejutkannya dan peningkatan ganjaran pahala di akhirat kelak. Kadang-kadang dia sendiri tidak mengetahui dari mana datangnya ganjaran itu ketika di akhirat nanti."
28. Diriwayatkan bahawa Imam yang tersebut di atas AS berkata, "Tidak ada satu haripun berlalu selama 40 hari ke atas orang mu'min tanpa ada sesuatu kesakitan yang menimpa dirinya atau kehilangan hartanya atau lain-lain nasib buruk yang menyimpannya yang akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT."
29. Imam yang sama AS berkata, "Seorang mu'min tidak terlepas daripada salah satu daripada tiga kesusahan:
 - i. Masalah salah seorang daripada anggota keluarganya.
 - ii. Jiran yang menyusahkan dirinya.
 - iii. Seseorang yang sering menggangukannya dalam urusannya.

Dan kadang-kadang semua kesusahan ini datang sekaligus. Jika seorang mu'min melarikan diri ke gunung sekalipun, di sana juga syaitan akan turut menggangukannya. Tetapi walau bagaimanapun keadaannya Allah SWT akan memelihara keimanannya."

30. Mohammad bin Muslim berkata dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Tidak terlepas 40 hari berlalu kepada seorang mu'min tanpa ada sebarang perkara yang mengejutkannya dan kesedihan melandanya dan ia mengingatkannya kepada Allah Yang Maha Berkuasa."

31. Abu Salah berkata, ketika dia bersama Imam Ja'far al-Sadiq AS, datang seorang syi'ah kepada Imam AS mengadu bahawa bapanya dan saudaranya berpaling dan menentanginya dan teman-temannya telah meninggalkannya kerana keimanannya itu. "Sama ada dipihak yang betul dan salah kedua-duanya mendapat kekuasaan disebaliknya. Dan setiap satu menjadi rendah di bawah kekuasaan lawannya. Paling kurang, seorang mu'min menerima daripada penguasaan pihak yang salah ialah bapa dan saudaranya menentanginya dan teman-temannya meninggalkannya. Jika seorang mu'min mendapat keselesaan di bawah penguasaan pihak yang salah, dia akan mengalami penderitaan sama ada pada tubuhnya, atau hartanya atau keluarganya, sebagai ganti kepada keselesaan tersebut. Hanya selepas mengalami penderitaan dia layak menerima keselesaan yang kekal di bawah kekuasaan yang Benar. Justeru, bersabarlah dan tunggulah saat yang lebih baik datang kepada anda."
32. Imam Zainal Abidin atau Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Apabila jenazah seorang mu'min dimandikan, malaikat akan menyoal ruhnya sama ada ia mahu kembali ke tubuhnya. Ruhnya menjawab ia tidak mahu lagi kembali ke tempat yang menempuh penderitaan, penyiksaan dan kesedihan."

Orang-orang Mu'min Menderita Supaya Mereka Tidak Mencintai Dunia Ini

33. Imam Mohammad al-Baqir AS meriwayatkan Nabi SAWA berkata, "Allah mengizinkan dunia membawa penderitaan dan kemiskinan kepada orang mu'min, supaya mereka tidak mencintainya."
34. Sabah bin Sababah berkata dia berkata kepada Imam Ja'far al-Sadiq AS, "Adakah penderitaan orang mu'min kerana dosa-dosanya?" Imam menjawab, "Tidak semestinya. Kadang-kadang Allah suka mendengar aduan dan doa-doa dari hamba-hambanya dan sebagai balasannya Dia akan meningkatkan ganjaran kebaikan dan menghapuskan keburukan daripada dirinya dan menyediakan ganjaran di Hari Pengadilan kelak."
35. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Allah menjelaskan kepada mahluk-mahluknya, orang beriman tentang penderitaan dunia dan kesusahan yang dihadapinya seperti mana seorang saudaranya menerangkan kepada saudaranya yang lain sesuatu yang akan menyebabkan saudaranya itu tidak menyukainya. Allah berfirman kepada mu'min bahawa Dia tidak akan menjadikannya miskin untuk menghinanya. Kemudian Allah menunjukkan kepadanya apa yang telah Dia sediakan untuknya di akhirat kelak. Pada ketika ini, orang mu'min bersyukur kepada Allah dan berkata bahawa dia tidaklah peduli lagi kepada kesusahan dan penderitaan."

Lebih Banyak Penderitaan Maka Lebih Besar Ganjaran Pahala

36. Abu Abdillah, Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Minuman yang terbaik adalah sifat sabar seseorang yang menahan kemarahannya apabila ia marah. Kerana, lebih banyak penderitaan, lebih banyak ganjaran pahala; dan Allah tidak akan menyintai seseorang sehingga Dia mengujinya dengan penderitaan."
37. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan dari Nabi SAWA bahawa Allah mengisytiharkan, "Terdapat di kalangan mu'min, makhluk pilihanKu, di mana urusan keimanan mereka tidak dapat berjalan tanpa kekayaan dan kesihatan. Maka Aku sediakan mereka dengan kekayaan dan kesihatan yang baik; dan dengan cara ini urusan keimanan mereka dapat berjalan dengan sempurna. Tetapi ada di kalangan mu'min makhluk pilihanKu di mana urusan keimanan mereka tidak dapat berjalan sempurna tanpa kemiskinan dan penyakit. Maka mereka menderita daripada perkara-perkara tersebut demi kepentingan iman mereka."
38. Imam ke-enam Ja'far al-Sadiq AS berkata Allah telah mengambil perjanjian daripada orang mu'min bahawa kadang-kadang kata-katanya diterima (oleh orang lain) atau dibohongi dan kadang-kadang dendamnya tidak akan dibalas kepada musuhnya dalam dunia ini.
39. Mohammad al-Baqir AS berkata apabila Allah mencintai seseorang Dia mengujinya dengan penderitaan dan kesusahan. Dan apabila orang itu berdoa kepada Allah untuk penyembuhan, Dia berkata kepada orang itu, "Doamu Aku sambut dan Aku boleh menyembuhkan kamu daripada penderitaanmu. Tetapi ganjaran yang aku sediakan untukmu (di akhirat) adalah lebih baik untukmu."
40. Abu Hamzah meriwayatkan daripada Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Wahai Thabit, sesungguhnya apabila Allah mencintai seseorang Dia akan meletakkannya dalam penderitaan, walaupun berlalunya hari dan malam kepada anda dan kita semua."
41. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa sahabat-sahabat Nabi Isa AS mengadu kepadanya tentang apa yang diperlakukan kepada mereka oleh orang ramai. Nabi Isa AS menjawab kepada mereka bahawa orang mu'min adalah sentiasa dibenci oleh masyarakat mereka. Tetapi dia berkata, iman mereka adalah umpama bijian gandum yang mempunyai nilai dan rasa tetapi tidak mudah untuk memperolehnya."
42. Abdul A'ala bin A'ayan berkata dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata kepada sahabat-sahabatnya, "Jika kalian sebenar-benarnya ikhwan dan sahabatku, kalian hendaklah bersedia untuk berhadapan dengan permusuhan dan kebencian daripada orang ramai, jika tidak demikian kalian tidak boleh menjadi sahabat-sahabatku."

Dunia Adalah Penjara Kepada Orang Mu'min

43. Mohammad bin Ajlan meriwayatkan bahwa ketika dia bersama Imam Ja'far al-Sadiq AS, datang seorang Syi'ah dari Kufah mengadu kepada Imam tentang penderitaan dan kesusahan yang dia alami. Imam AS menasihatkannya supaya bersabar dan mengharapkan semoga Allah melepaskannya dari hal tersebut. Kemudian selepas tidak berkata-kata beberapa saat Imam AS menyatakan kepada orang ini, "Katakan kepadaku tentang penjara Kufah. Apakah yang menghalang daripada memasukinya?" Orang itu menjawab bahwa ia adalah penjara kecil bawah tanah yang keadaannya amat buruk sekali." Pada ketika ini, Imam AS berkata kepadanya, "Tidakkah anda ketahui bahawa dunia ini umpama penjara kepada orang mu'min? Maka bagaimana anda dapat mencapai kegembiraan dan kekayaan apabila berada dalam penjara?"
44. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa apabila Allah mencintai seseorang, Dia akan mengutuskan seorang malaikat yang memeliharanya dalam penderitaan dan sakit. Jika orang itu sembuh daripada penderitaan dan penyakit, maka dia akan mengalami penderitaan yang lebih besar lagi. Keadaan ini diwujudkan supaya dia sentiasa berpaling kepada Allah dan Allah suka kepada suaranya apabila dia berdoa."
45. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata Allah mengetahui tentang orang-orang mu'min yang tidak akan tercapai kedudukan yang dikehendakinya tanpa penyakit, atau kesedihan tentang anak-anaknya. Maka mereka mengalami penderitaan tersebut untuk membantu mereka mencapai kedudukan yang dikehendakinya di akhirat kelak."
46. Imam Mohammad al-Baqir AS meriwayatkan dari Nabi SAWA bahawa dia berkata, "Sesungguhnya amat besar kemuliaan orang mu'min: apa yang Allah tetapkan untuk mereka, adalah semuanya baik untuknya. Jika dia diletakkan dalam keadaan penderitaan, dia bersabar, dan jika dia terlepas dari penderitaan itu, dia bersyukur kepada Allah."
47. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Allah memberikan kesenangan nikmat dunia ini kepada mereka yang Dia cintai dan kepada mereka yang Dia benci. Tetapi kesenangan nikmat syurga hanya dikehendakinya kepada mereka yang Dia cintai sahaja. Kadang-kadang seorang mu'min berdoa kepada Allah untuk mendapatkan sehabis tanah di dunia ini dan doanya ditolak. Tetapi apabila dia berdoa untuk mendapatkan kesenangan syurga, doanya tidak pernah ditolak. Sebaliknya kadang-kadang seorang kafir mendapat apa yang ia inginkan di dunia ini tetapi jika dia memohon untuk mendapatkan sehabis tanah di syurga dia tidak akan mendapatkannya."
48. Imam Ja'far al-Sadiq As berkata, Allah berfirman kepada orang mu'min, "Makhluk pilihanKu apabila Aku tolak kamu daripada sesuatu, Aku lakukan itu demi kepentinganmu sendiri. Maka bersabarlah mengalami

penderitaan dan bersyukur di atas pemberianKu. Kamu akan di nilai sebagai salah seorang orang yang beriman.”

49. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata pada suatu ketika Nabi SAWA tersenyum lebar di hadapan sahabat-sahabatnya dan bertanya, "Tahukan kalian mengapa aku tersenyum?" Mereka tidak tahu dan meminta Nabi SAWA menyatakannya kepada mereka. "Aku fikirkan orang-orang Islam amat beruntung apabila Allah menetapkan sesuatu perkara ke atas mereka, ia adalah demi keuntungan dan kepentingan diri orang tersebut."

50. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Di syurga nanti ada suatu kedudukan untuk sebahagian daripada orang mu'min yang tidak mampu dicapai oleh mereka melainkan dengan penyakit pada tubuhnya atau kerugian dalam hartanya (ketika di dunia ini)."

Bab 2

Kemuliaan Dan Ganjaran Yang Di Jamin oleh Allah SWT Kepada Mu'min

1. Zurarah bin A'ayan berkata dia bersama Imam Ja'far al-Sadiq AS ketika datang seseorang menemui Imam bertanyakan ayat Qur'an:

"Sesiapa yang datang dengan amal baik, akan diberikan balasan pahala sepuluh kali ganda." (6:166)

Orang itu bertanya Imam sama ada ayat ini juga ditujukan kepada mereka yang tidak percaya kepada Imamah. Imam AS menjawab, "Tidak ia hanya dikhususkan untuk mereka yang beriman kepada Imamah Imam-imam dari keluarga Nabi sahaja."

2. Yaqoob bin Shuaib berkata dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Tidak diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT kepada seseorang melainkan orang-orang mu'min yang sebenarnya."

3. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apabila seorang mu'min yang sebenarnya melakukan amal kebajikan, ganjaran pahala baginya akan bertambah tujuh puluh kali kerana Allah SWT telah berfirman dalam kitab suciNya, "Allah menambahkan balasan kepada mereka yang Dia kehendaki." (2: 261)

Orang Mu'min Adalah Cahaya Syurga

4. Imam yang sama AS berkata, "Cahaya orang mu'min terang benderang di syurga seperti bintang berkerlipan ke bumi. Orang mu'min adalah 'teman' Allah. Dia (Allah) menolong mereka dan amat mengasihani mereka. Mereka tidak berkata kecuali apa yang benar dan tidak takutkan sesuatu kecuali Allah SWT. Apabila dua orang mu'min bertemu, dan mereka berjabat tangan, Allah memberikan anugerah rahmat ke atas mereka dan dosa-dosa mereka digugurkan dari diri-diri mereka."

Kelebihan Orang Mu'min

5. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Sifat-sifat Allah tidak dapat dijelaskan. Bagaimana mungkin sifat-sifatNya dapat dijelaskan apabila Dia berfirman, "Mereka tidak mengetahuinya dengan sebenar-benarnya?" (6:90)

Maka apa yang dikatakan tentang puji-pujian ke atasNya adalah sebenarnya jauh berkurang daripada apa yang sewajarnya. Demikian juga sifat-sifat keutamaan Nabi SAWA tidak dapat dinyatakan (diungkapkan dengan kata-kata) dengan sebenar-benarnya apabila Allah mengangkatnya dari bumi ke ArasyNya dan dibawa hampir denganNya dan membuatkan ketaatan kepadanya sama seperti ketaatan kepada Yang Maha Berkuasa? Allah menyatakan hal ini dalam al-Qur'an, "Lakukan apa yang Nabi perintahkan ke atasmu dan jauhkan daripada apa yang Nabi larang kamu melakukannya."(59:7)

Dalam hal yang sama sifat-sifat kelebihan orang mu'min yang menjadi pilihan Allah (Imam-imam dari keluarga Nabi SAWA) juga tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata, kerana Allah telah menghilangkan kekotoran dari mereka dan menyucikan mereka dengan sebersih-bersihnya. Begitu juga sifat-sifat kelebihan orang-orang mu'min yang menjadi pengikut Imam-imam ini AS tidak dapat dijelaskan dengan kata-kata kerana mereka ini sangat dimuliakan di hadapan Allah SWT, maka apabila dua orang daripada mereka berjabat tangan, dosa-dosa mereka pun gugur ke bumi seperti dedaun bergururan di musim luruh."

6. Malik bin A'ayan al-Juhani berkata dia pergi menemui Imam Mohammad al-Baqir AS dengan harapan ingin mendapatkan penjelasan tentang mereka, tetapi sebelum dia dapat mengungkapkannya, Imam AS mula berkata perkara yang sama dan berkata, "Wahai Malik, bersangka baiklah terhadap Allah. Jangan berfikir anda telah sampai ke tahap yang sebenarnya. Sesungguhnya anda tidak dapat sampai ke hadnya ketika memuji dan mengungkapkan sifat-sifat Nabi SAWA kerana sifat-sifat beliau SAWA tidak dapat diungkapkan ke suatu had tertentu. Begitu juga anda tidak akan sampai ke suatu had tentang diri-diri kami dengan mengungkapkannya. Wahai Malik, anda tidak akan dapat, walau untuk mengungkapkan dengan sebenar-benarnya suatu penjelasan yang sempurna dan lengkap tentang kualiti seorang mu'min. Seorang mu'min adalah orang yang dimuliakan di hadapan Penciptanya, justeru apabila dia bertemu seorang mu'min dan berjabat tangan dengannya sebagai suatu tanda cinta dan hormat, Allah menurunkan rahmat ke atas mereka, dan dosa-dosa mereka berguguran dari diri-diri mereka sehinggalah mereka berpisah, dan apabila mereka berpisah tidak ada dosa-dosa mereka yang tertinggal. Maka, bagaimanakah anda mengetahui had kualiti orang-orang ini yang amat di muliakan dan dicintai Allah?"

7. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apabila dua orang mu'min bertemu, seratus rahmat turun ke atas mereka. Tetapi sembilan puluh sembilan daripada rahmat tersebut adalah untuk orang yang paling besar cintanya terhadap saudara mu'minnya itu."

8. Abu Ubaidah meriwayatkan ketika dia bersama Imam Mohammad al-Baqir AS dalam perjalanan dari Madinah ke Mekah. Dia berkata apabila dia berhenti untuk berehat atau memulakan perjalanan, Imam AS akan berjabat tangan dengannya. Dia bertanya Imam AS mengapa hal itu dilakukannya. Imam AS berkata, "Apabila dua orang mu'min bertemu, dan berjabat tangan, dan mereka berlalu selepas itu, semua dosa-dosanya akan dihapuskan dari mereka."

9. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Tidak ada di kalangan makhluk yang mengetahui (dapat mengungkapkan) sifat-sifat (kebesaran dan keagungan) Allah yang sebenar-benarnya. Begitu juga tidak ada sesiapa yang dapat mengetahui (dapat mengungkapkan dengan kata-kata) sifat-sifat kelebihan Nabi SAWA, para Imam Ahlul Bait AS, demikian juga sifat-sifat keutamaan orang mu'min yang menjadi pengikut Imam AS (kerana ia lebih besar daripada apa yang mereka ungkapkan)."

10. Safwan, penjaga unta berkata bahawa dia mendengar Imam AS berkata, "Apabila dua orang mu'min bertemu dan berjabat tangan, orang yang mempunyai rasa kasih yang lebih besar kadarnya daripada saudaranya itu adalah lebih tinggi imannya. Apabila mereka berjabat tangan dan memuji Allah semua dosa-dosa mereka diampunkan."

Janganlah Menghina Seorang Mu'min

11. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata pada suatu hari Jibril datang kepada Nabi SAWA dan berkata, "Wahai Mohammad SAWA, Tuhan Engkau berkata barang siapa menghina pilihanNya daripada kalangan mu'min dia telah mengisytiharkan perang menentang Allah SWT. Wahai Nabi, Allah mengisytiharkan langkah terbaik untuk mendekati seorang mu'min kepadaNya ialah dengan menunaikan solat wajib lima waktu secara ikhlas dan jika seorang mu'min menambahkan solat-solat sunat kepada yang wajib itu, Allah akan mencintainya; dan apabila Allah mula mencintai seorang manusia, maka pendengarannya akan menjadi pendengarannya, Allah menjadi penglihatannya, tangannya dan kakinya ketika dia berjalan."

Wahai Nabi!, Allah mengisytiharkan Dia tidak akan mempercepatkan kematian seorang mu'min yang tidak menyukainya kerana Allah tidak suka menyebabkannya rasa demikian."

"Allah Yang Maha Berkuasa berfirman bahawa ada di kalangan orang-orang mu'min yang tidak dapat kebaikan tanpa kemiskinan dan jika mereka ditukar kehidupan mereka daripada miskin kepada kaya, ia akan merosakkannya. Tetapi ada di kalangan mereka, yang tidak mencapai kebaikan tanpa kekayaan dan jika mereka ditukar daripada kaya kepada miskin, ia akan merosakkannya. Kadang-kadang seorang mu'min berdoa kepada Allah untuk mendapatkan sesuatu tetapi doanya ditolak kerana sesuatu yang dipintanya itu amat berbahaya kepada dirinya dalam pengetahuan Allah."

12. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata Allah SWT berfirman, “Barang siapa yang menghina sahabatKu, dia telah mengisytiharkan perang ke atasKu. Langkah yang terbaik bagi seorang mu’min untuk mendekati dirinya kepadaKu ialah melakukan solat wajib harian. Dan apabila seorang mu’min menambahkannya dengan solat-solat sunat, Aku mula mencintainya. Dan apabila Aku mencintainya Aku menjadi telinga kepada pendengarannya, mata kepada penglihatannya, menjadi tangan kepada tindakannya dan kaki ketika dia berjalan. Jika dia berdoa kepadaKu, Aku menyambut doanya dan jika dia memintaKu sesuatu hajat, Aku menunaikan hajatnya itu. Aku tidak menangguhkan sesuatu perkara kecuali kematian seorang mu’min kerana dia tidak menyukainya dan Aku tidak menyukai apa yang dia tidak suka.”

13. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata bahawa Allah mengisytiharkan, “Barang siapa menghina sahabatKu, dia mengisytiharkan perang ke atasKu dan Aku akan menolong sahabatKu lebih cepat. Aku tidak menunda keputusanKu melainkan dalam soal kematian seorang mu’min, kerana Aku suka menjemputnya datang kepadaKu tetapi dia tidak menyukai kematian. Maka aku tangguhkan kematiannya untuk beberapa lama. Dia berdoa kepadaKu dan Aku tunaikan permintaannya itu. Dia menyeruKu dan Aku menyahut seruannya. Jika hanya tinggal seorang sahaja orang mu’min di dunia, ia sudah mencukupi bagiKu untuk mengekalkan keseluruhan dunia ini hanya untuknya. Aku memberikan kepada orang mu’min kasih sayang yang besar kepada orang mu’min kerana keimanannya dan ia tidak berasa kesunyian dan memerlukan yang lain.”

Dosa-dosa Orang Mu’min Di Ampunkan

14. Imam Mohammad Baqir AS berkata, “Jika dosa-dosa seorang mu’min seluas padang pasir atau lautan, Allah SWT akan mengampunkannya dengan rahmatNya. Tetapi ia tidak bermakna kalian menjadi berani dan lancing melakukan dosa-dosa.”

15. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Semua dosa-dosa orang-orang mu’min akan diampunkan sebelum mereka meninggalkan dunia ini. Sesungguhnya mereka akan berada bersama-sama kami.”

16. Abu Samit berkata, apabila dia pergi menemui Imam Ja’far al-Sadiq AS, Imam AS berkata kepadanya, “Berita baik, berita baik.” Kemudian Imam AS berkata, “Wahai Abu Samit, tidak syak lagi, Allah akan mengampunkan orang mu’min, walaupun ketika dia bertemu denganNya dosa-dosa yang sedemikian banyaknya.” Abu Samit berkata dia bertanya Imam AS apakah Allah akan mengampunkan mu’min walaupun ketika ia menemuiNya nanti dengan dosa yang sebesar batu-batu itu. Imam AS mengulangi jawapan dua kali untuk menegaskannya.

17. Seorang perawi berkata, dia berkata kepada Imam Mohammad al-Baqir AS, ketika Imam AS berkata di luar kota Mekah, iaitu dia mempunyai suatu perkara

untuk dinyatakan kepadanya. Imam AS menasihatkannya menyatakan apa yang dia inginkan katakan ketika di Mekah. Kemudian apabila berada di Mekah, dia pergi menemui Imam dan mengulangi permintaannya itu. Imam menasihatkannya menemuinya di Mina. Akhirnya apabila Imam AS berada di Mina, perawi itu menemuinya dan berkata dia telah melakukan dosa yang amat besar dan tidak ada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Allah tetapi dia berada malu terhadap perbuatan dosanya itu dan membuat pengakuan di hadapan Imam AS untuk bertaubat. Imam AS berkata kepadanya, “Janganlah anda bimbang, pada Hari Pengadilan kelak, apabila orang mu’min akan berdiri di hadapan Allah, Dia akan mendedahkan semua dosa-dosa mereka satu persatu dan akan mengampunkannya semua tetapi tidak ada orang lain yang tahu kecuali dirinya sendiri.”

Menurut riwayat yang lain, Imam AS berkata, “Allah tidak akan mendedahkan dosa-dosa yang mereka berasa amat malu dan kemudian Dia akan menukarkan dosa-dosanya itu dengan amal kebajikan kerana Dia berfirman, “Allah akan menukarkan amal-amal buruk mereka dengan amal-amal yang baik.” (25: 70).

Doa Orang Mu’min Akan Di Kabulkan Secara Tertangguh

18. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata apabila orang kafir berdoa kepada Allah, Allah memerintahkan malaikatNya menunaikan permintaan orang tersebut dengan segera kerana Dia tidak suka mendengar suaranya lagi, tetapi apabila seorang mu’min berdoa kepadaNya, Dia memerintahkan malaikatNya menangguhkan penerimaannya kerana Allah menyukai suaranya. Pada Hari Pengadilan, Allah akan berkata kepadanya, “Kamu berdoa kepadaKu untuk mendapatkan perkara-perkara tersebut tetapi Aku menangguhkan penerimaannya untuk ganjaran pada hari ini.” Pada ketika itu, orang mu’min tersebut akan bergembira lantaran tidak mendapat perkara tersebut di dunia.”

19. Imam Ja’far al-Sadiq berkata kepada salah seorang daripada sahabat-sahabatnya bahawa Allah mengabulkan doa-doa orang mu’min. Orang tersebut memandang Imam dengan kehairan dan kegembiraan. Pada ketika itu Imam AS berkata, “Tidak syak lagi, Allah Maha Pemurah kepada makhluk-makhlukNya yang baik.”

Rahmat Kepada Orang-orang Mu’min

20. Ibn Abil Bilad meriwayatkan daripada bapanya bahawa dia mendengar Imam AS berkata, “Apabila seorang mu’min meninggal dunia, dua malaikat yang ada di sisi naik ke langit dan berkata kepada Allah bahawa si polan telah meninggal dunia. Kemudian Allah memerintahkan mereka kembali ke kubur orang mu’min itu dan beribadat di sana sehingga Hari Pengadilan, supaya dapat dituliskan amal kebajikan yang dilakukan oleh mereka itu ke dalam buku amal kebajikan orang mu’min tersebut.”

21. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa mimpi-mimpi orang mu'min adalah sebahagian daripada kenabian, dan sebahagian daripada orang mu'min mendapat satu pertiga daripadanya."

22. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata apabila Allah mencintai seorang mu'min, Dia melindunginya daripada kejahatan, membuatnya berpuas hati dan memberikan ganjaran pahala di hadapannya. Dan apabila Allah membenci seseorang, Dia meninggalkan urusannya kepada dirinya sendiri dan meletakkan kemiskinan di hadapannya.."

23. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata kadang-kadang seseorang berdoa kepada Allah dan Allah memerintahkan Jibril menangguk penerimaannya kerana Dia suka mendengar doa berkali-kali.

24. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata keadaan orang mu'min adalah sama coraknya dengan keadaan Nabi-nabi justeru ia tidak menjadi jahat.

25. Safwan, seorang penunggang unta berkata dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata kematian seorang mu'min adalah satu kerugian kepada keimanan (Islam).

26. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa amal baik seorang mu'min adalah persiapan bagi kesenangannya di syurga seperti mana seseorang mengirinkan hamba-hambanya untuk melayaninya. Kemudian Imam AS membacakan ayat Qur'an, "Barang siapa yang melakukan amal baik, maka untuk diri mereka sendirilah mereka menyiapkan (tempat yang menyenangkan)." (30:44)

27. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa Allah menjauhkan kejahatan daripada mu'min seperti seseorang menjauhkan unta-untanya daripada unta-unta milik orang lain.

28. Imam Muhammad al-Baqir AS berkata bahawa apabila dua orang mu'min bertemu dan berjabat tangan, Allah akan meletakkan tanganNya di atas tangan orang yang mempunyai rasa cinta yang lebih besar kepada saudaranya.

29. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa tidak ada yang memberi manfaat kepada seseorang yang kafir maka begitu juga tidak ada apa yang memberikan keburukan kepada seorang yang mempunyai iman.

30. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata bahawa Allah SWT berfirman, "Aku tidak akan menangguk sesuatu kehendakKu kecuali dalam kematian seorang mu'min kerana Aku suka memangguknya kembali tetap dia tidak menyukainya. Dan jika ada hanya seorang mu'min yang tinggal di dunia, dia adalah cukup bagiKu di kalangan makhluk-makhlukKu dan aku akan menyediakan baginya dengan cinta di atas keimanannya maka dia tidak lagi memerlukan yang lain."

31. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata apabila seorang mu'min meninggal dunia seorang diri, jauh daripada tempat tinggalnya, di mana tidak ada seorang pun

yang meratapinya, amal solehnya naik ke langit dan dua malaikat di sisinya meratapi kematiannya.”

32. Diriwayatkan daripada Imam Kelima atau Keenam AS bahawa beliau AS berkata, “Semua dosa mu’min akan diampunkan maka sepatutnya dia memulakan kehidupannya dengan diri yang bersih tetapi pemberian ini hanya untuk orang-orang mu’min sahaja.”

33. Ishaq bin Ammar meriwayatkan bahawa dia mendengar Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata Allah menjadikan segolongan pilihanNya daripada kalangan mu’min yang dipeliharaNya daripada segala penderitaan. Mereka di lahirkan dalam keadaan tenang, hidup dengan tenang, mati dalam keadaan tenang, dan masuk syurga dalam keadaan tenang.

Bab III

Persaudaraan Di Kalangan Mu’min

1. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata semua orang mu’min adalah bersaudara dan jika salah seorang daripada mereka ditimpa kecelakaan maka mereka semua tidak akan duduk diam tanpa berbuat apa.
2. Imam Mohammad al-Baqir AS dan Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata bahawa orang-orang mu’min adalah umpama satu tubuh jika salah satu daripada anggotanya hilang, maka seluruh tubuh akan merasainya.
3. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata seorang mu’min adalah saudara kepada mu’min-mu’min yang lain. Mereka umpama satu tubuh. Jika satu anggota cedera, seluruh tubuh akan merasainya. Ruh dihubungkan kepada Allah SWT umpama cahaya matahari dihubungkan dengan matahari.
4. Jabir meriwayatkan bahawa dia mengeluh di hadapan Imam Mohammad al-Baqir AS dan berkata bahawa kadang-kadang dia (Jabir) berduka tanpa sebarang sebab; dan kedukaannya itu dapat dilihat pada wajahnya oleh keluarga dan teman-temannya. Imam AS berkata, “Memang begitulah.” Kemudian Jabir bertanya Imam AS kenapa hal itu terjadi. Imam AS berkata, “Apakah yang akan engkau lakukan apabila mengetahui sebabnya?” Jabir menjawab bahawa dia hanya ingin tahu sahaja sebabnya. Pada ketika ini Imam AS berkata, “Wahai Jabir Allah menjadikan orang-orang mu’min daripada tanah syurga dan dicampur dengan wangi-wangian. Maka semua orang mu’min adalah bersaudara, dan apabila ada di kalangan mereka berdukacita di suatu tempat lain di dunia ini, maka yang lain-lain akan merasainya.

5. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata bahawa orang-orang mu'min umpama saudara sebenar kerana Allah menjadikan mereka daripada tanah syurga dan dicampur dengan wangi-wangian.
6. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Semua ruh dikumpulkan kepada beberapa kumpulan dan mereka akan mencium bau di antara mereka seperti kuda-kuda melakukannya. Kemudian mereka yang mengenali sesama mereka dikumpulkan dalam satu kumpulan. Jika seorang mu'min pergi ke masjid dan di sana ada ramai orang dan hanya seorang daripada mereka mu'min, orang mu'min yang datang itu akan tertarik kepadanya dan duduk di sisinya.
7. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Tidak ada sesiapa boleh menjadi mu'min sehingga dia menjadikan saudara seimannya seperti satu anggota pada satu tubuh, jika salah satu daripada anggotanya sakit maka seluruh tubuhnya berasa sakit."
8. Imam AS yang sama, "Setiap orang mempunyai sesuatu yang melegakan dan menghiburkannya tetapi seorang mu'min mempunyai saudara mu'min yang memberikan kelegaan dan menghiburkannya seperti burung-burung dalam jenis yang sama."
9. Imam AS yang sama berkata, "Orang-orang mu'min umpama satu tubuh, jika salah satu daripada anggota tubuhnya sakit, seluruh tubuh turut merasa kesakitan."

Bab IV

Hak-hak Orang Mu'min Ke atas Saudaranya

Moalla bin Khunais meriwayatkan bahawa dia bertanya Imam Ja'far al-Sadiq AS tentang hak-hak seorang mu'min ke atas saudara semu'minnya. Imam AS berkata, "Aku amat belas terhadapmu maka aku bimbang engkau tidak akan dapat melakukan hal yang aku akan katakan kepadamu atau engkau akan terlupa." Moalla berkata dia akan berserah kepada Allah dan akan berusaha sedaya upaya. Kemudian Imam AS berkata, "Seorang mu'min mempunyai tujuh hak ke atas saudaranya yang mu'min. Semua hak-hak ini adalah wajib. Jika sesiapa tidak menerima salah satu daripada hak-hak ke atas saudaranya itu, maka dia akan jauh daripada cinta kepada Allah dan ketaatan kepadaNya.

Pertama, dan yang paling mudah adalah untuk menyukai saudara mu'minnya umpama apa yang engkau sukai untuk dirimu sendiri dan tidak menyukai untuk dirinya apa yang dirimu sendiri tidak suka.

Kedua, engkau menolongnya dengan dirimu, wangmu, lidahmu, tanganmu dan kakimu apa sahaja yang diperlukan.

Ketiga, engkau berusaha mendapatkan kesukaannya dan menjauhi perkara yang dia benci dan memenuhi kepada kehendaknya.

Keempat, engkau menjadi penuntunnya dan wakilnya apa sahaja yang diperlukan.

Kelima, engkau tidak makan ketika dia lapar, engkau tidak minum apabila dia dahaga dan engkau tidak mengenakan pakaian (baru) untuk dirimu pada ketika dia tidak mempunyai apa-apa untuk dipakai.

Keenam, jika engkau mempunyai seorang hamba dan saudaramu tidak ada, engkau hendaklah mengiriskan hamba milikmu untuk membasuh pakaiannya dan menyediakan makanan dan tempat tidurnya.

Ketujuh, engkau berusaha melunaskan janjinya, menyahut jemputannya, merawatnya jika dia jatuh sakit dan mengiringi jenazahnya jika dia meninggal dunia. Jika saudaramu mempunyai sesuatu hajat, engkau hendaklah menyempurnakan hajat keperluannya sebelum dia memintamu melakukannya.”

“Wahai Moalla, jika engkau menerima hak-hak ini dan menganggapnya sebagai kewajipanmu maka engkau telah memenuhi hal-hak keperluan saudaramu.”

Dalam hadith lain yang seperti ini, Imam AS berkata, “Jika engkau menerima hak-hak saudara mu’minnya dan engkau memenuhi hak-hak tersebut, maka engkau telah memenuhi hak-hak yang diperlukan ke atas cintanya dan dengan memenuhi cintanya, engkau mendapat cinta dari Allah.”

2. Isa bin Mansoor meriwayatkan bahawa bersama Abdullah bin Abi Yafoor dan Abdullah bin Talha pada suatu majlis Imam Ja’far al-Sadiq AS. Imam AS berkata kepada Abdullah bin Abi Yafoor dan berkata, “Wahai putera Abi Yafoor, Nabi SAWA berkata barang siapa yang memiliki enam sifat, mereka akan nanti berada di sebelah kanan Krusi Allah SWT. Ibn Abi Yafoor meminta Imam AS menerangkan enam sifat tersebut. Imam AS berkata, “Pertama, anda menyukai saudara mu’min anda itu seperti mana anda menyukai saudara terdekat dalam keluarga anda. Kedua, anda tidak menyukai sesuatu untuknya seperti mana anda tidak menyukai sesuatu menimpa saudara terdekat dalam keluarga anda. Dan ketiga, anda ikhlas kepada saudara mu’min anda.

Pada ketika ini, Ibn Abi Yafoor berasa terharu dan air mata gugur dari kelopak matanya. Dia meminta Imam AS menjelaskan sejauhmana keikhlasan tersebut. Imam AS berkata, “Keikhlasan anda kepada saudara anda hendaklah merangkumi tiga perkara. Pertama, anda hendaklah berduka dengan kedukaannya. Kedua, anda berasa gembira dengan kegembiraannya, dan ketiga, anda menangis untuk melegakan kesedihannya dan jika anda mampu, dan jika anda tidak mampu melapangkan kesedihannya, anda hendaklah berdoa kepada Allah supaya menghapuskan kesedihannya.

Selepas beberapa ketika, Imam AS sekali lagi berkata, “Tiga sifat yang disebutkan itu menyentuh tentang diri anda tetapi yang tiga lagi ini menyentuh tentang diri kami. Pertama, anda mengakui hak keutamaan kami. Kedua, anda bersikap lembut kepada keturunan kami dan ketiga anda menantikan ketibaan masa depan kita.

Mereka yang mempunyai semua sifat-sifat ini akan dihimpunkan di hadapan Arasy Allah dan orang ramai akan meminta cahaya daripada mereka. Dan mereka yang hanya memiliki sebahagian daripada sifat-sifat ini akan berada di sisi kanan Krusi Allah. Mereka ini akan juga dimuliakan dan jika orang lain menyaksikan kedudukan mereka, mereka pasti lebih suka kepada kematian untuk mencapainya.” Pada saat ini Ibn Abi Yafoor bertanya Imam AS mengapa yang lain tidak dapat melihat kedudukan mereka yang akan berada di sisi Krusi Allah. Imam AS menjawab, “Mereka akan ditutupi dengan cahaya Allah. Tidakkah anda mendengar Nabi SAWA berkata bahawa orang-orang mu’min akan berada di hadapan dan sisi Krusi Allah, dan wajah-wajah mereka akan bersinar dengan terang lebih daripada cahaya matahari? Orang ramai akan berkata-kata tentang mereka dan mereka akan diberitahu bahawa inilah orang-orang yang cinta sesama mereka kerana Allah semata-mata.”

3. Imam Ja’far Sadiq AS berkata, “Demi Allah, ibadah yang terbaik ialah memenuhi tanggungjawab terhadap orang mu’min. Seorang mu’min lebih berhak daripada Ka’bah, Baitullah. Seorang mu’min adalah saudara kepada mu’min yang lain. Dia adalah mata dan pemandu kepada saudaranya. Dia tidak pernah memperdayakannya atau membiarkannya. Di antara hak seorang mu’min kepada saudaranya ialah dia tidak makan ketika saudaranya lapar, dia tidak minum ketika saudaranya dahaga dan dia tidak mengenakan pakaian untuk dirinya ketika saudaranya tidak memiliki pakaian. Pada hakikatnya hak-hak seorang mu’min adalah besar.”

Imam AS selanjutnya berkata, “Kalian menyukai sesuatu untuk saudara kalian seperti mana kalian menyukai sesuatu untuk diri kalian. Jika kalian inginkan sesuatu, hendaklah kalian meminta dari saudaramu. Dan jika dia berhajatkan sesuatu daripada dirimu, maka engkau hendaklah memberikannya tanpa menyusahkan hatinya. Tolonglah saudara kamu, nescaya dia akan menolong kamu. Jika dia jauh, maka anda hendaklah menjaga kepentingannya, dan jika dia bersama anda, akan memuliakannya apabila menemuinya, kerana dia daripada anda dan anda daripadanya. Jika dia marah kepada anda, anda tidak harus meninggalkannya sehingga dia kembali menyukai anda. Jika dia mendapat wang, anda hendaklah bersyukur kepada Allah, dan jika dia mengalami kerugian, anda hendaklah berusaha menggantikannya, bersabar dan memberikan keutamaan kepadanya.

4. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata seorang mu’min adalah saudara kepada orang-orang mu’min yang lain dan adalah menjadi haknya saudara-saudaranya bersifat ikhlas dan simpati ke atasnya. Mereka juga harus membantunya dari musuh-musuhnya.

5. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, ibadah yang paling baik ialah melunaskan tanggungjawab seseorang ke atas orang-orang mu’min.

6. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata bahawa Nabi SAWA mengisytiharkan bahawa seorang Muslim adalah saudara kepada muslim-muslim yang lain. Dia

tidak menipu mereka atau menjauhkan diri daripada menolong mereka, tidak menghalang mereka daripada memperoleh sesuatu atau mengkhianati mereka.

7. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Adalah menjadi hak orang Islam ke atas saudaranya dan andainya dia bersin, saudaranya hendaklah mengucapkan, "Semoga Allah mengasihi anda (Yarham ka-llah)," dan jika dia jatuh sakit, saudaranya hendaklah merawatnya dan jika dia meninggal dunia saudaranya hendaklah mengiringi jenazahnya."

8. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata pada suatu hari orang-orang Islam sedang dalam perjalanan mereka. Mereka tersesat di padang pasir dan dalam keadaan amat dahaga. Dalam keadaan hampir putus harapan, mereka duduk berhampiran batang pokok yang yang kering. Pada ketika itu seorang tua yang berpakaian jubah putih muncul dan memberitahu mereka tentang sebuah matair yang berada di hadapan mereka. Mereka bergegas menuju ke tempat itu dan minum airnya sepuas hati. Kemudian mereka bertanya nama orang tua itu dan tempat tinggalnya. Orang tua itu memberitahu mereka bahawa dia sebenarnya adalah jin yang memeluk Islam di tangan Nabi SAWA. Dia selanjutnya menerangkan kepada mereka bahawa dia telah mendengar Nabi yang mulia SAWA berkata bahawa seorang mu'min adalah saudara kepada mu'min-mu'min yang lain; dia menjadi mata dan pemandu baginya. Justeru, dia menyatakan kepada mereka bahawa mereka tidak akan binasa selagi dia ada di tempat itu.

9. Simaah meriwayatkan bahawa dia memberitahu Imam AS bahawa ada di kalangan saudaranya yang mempunyai wang yang lebih sedangkan yang lain amat memerlukan wang. Mereka tidak boleh hidup dengan wang zakat dan adalah tidak wajar mereka kelaparan sedangkan saudara mereka bersenang-lenang. Pada masa adalah masa susah.

Mendengar hal ini, Imam AS berkata, "Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak melakukan kezaliman kepadanya atau dia tidak mengelakkan diri daripada menolongnya. Adalah menjadi kewajipan kepada umat Islam menolong saudara mereka yang miskin, dan bersimpati kepada mereka. Mereka hendaklah mengasihani sesama mereka seperti mana yang Allah perintahkan. Mereka hendaklah melakukan sesama mereka seperti golongan Ansar Nabi SAWA melakukan."

Tolonglah Saudara Mu'minmu

10. Perawi meriwayatkan bahawa dia berkata kepada Imam AS, "Ada di kalangan kami yang hanya mempunyai makanan untuk sehari tetapi ada yang mempunyai makanan untuk sebulan. Tetapi ada di kalangan kami yang mempunyai bekalan makanan untuk setahun. Adakah mereka ini yang mempunyai bekalan makanan untuk sehari, memberikan makanan untuk mereka yang langsung tidak mempunyai makanan atau adakah mereka yang mempunyai bekalan makanan untuk sebulan memberikan makanan untuk mereka yang mempunyai bekalan makanan untuk sehari?" Imam AS berkata,

“Tidak ada kewajiban untuk berbuat demikian. Tetapi mereka yang pemurah adalah lebih besar tanggungjawabnya. Allah SWT berfirman tentang makhluk pilihanNya,

“Mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) daripada diri mereka sendiri walaupun diri mereka sendiri kesusahan.” (59:9)

Dan jika, ada di antara mereka tidak mahu menjadi dermawan, dia tidaklah dicerca. Tetapi tangan yang memberi itu lebih tinggi darjatnya daripada tangan yang menerima. Dan sifat dermawan itu hendaklah bermula kepada orang yang terdekat.”

11. Imam Mohammad al-Baqir AS bertanya kepada perawi, “Adakah kalian mempunyai hubungan yang akrab dan kasih sayang di kalangan orang-orang mu’min sehingga jika salah seorang daripada kalian memasukkan tangannya ke dalam poket pakaian saudaranya, mengambil apa yang dia perlukan dan saudaranya tidak melarang perbuatannya itu?” Perawi menjawab bahawa dia tidak mengetahui akan hubungan yang seakrab itu di kalangan saudara-saudaranya. Imam AS menjawab, “Jika demikian belum ada kasih sayang di kalangan kalian.” Perawi bertanya, “Adakah mereka akan binasa dengan sikap mereka itu?” Imam AS menjawab, “Tidak, tidaklah sampai demikian. Mereka tidak mempunyai kebijaksanaan yang betul.”

12. Amirul Mu’minin Ali AS berkata Allah telah menjadikan kesabaran sebagai kewajiban kepada makhluk-makhlukNya yang baik. Mereka bertanya Imam AS tentang keadaan tersebut. Imam AS berkata, “Pada ketika kalian memohon kepada orang lain yang untuk orang yang memerlukan sedangkan diri kalian sendiri lebih memerlukannya.

Allah SWT berfirman, “Mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) daripada diri mereka sendiri walaupun diri mereka sendiri kesusahan.” (59:9)

13. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak membenarkan ketidakadilan kepada mereka atau dia tidak akan mengelakkan pertolongan mereka. Dia tidak akan memburukkan mereka atau menikam dari belakang. Dan dia tidak akan menghalang hak mereka atau menipu mereka. Adalah menjadi hak orang Muslim ke atas saudaranya iaitu dia memberi salam ketika bertemu, menziarahinya ketika dia sakit, menjaga kepentingannya ketika dia tidak ada, mendoakannya ketika dia bersin, mengalu-alukan seruannya dan mengiringi jenazahnya apabila dia meninggal dunia.”

14. Imam Mohammad al-Baqir AS bertanya kepada Abu Ismail, “Adakah masih ada cinta dan belas kasihan di kalangan kalian jika salah seorang daripada kalian tidak mempunyai jubah atau pakaian sedangkan kalian mempunyainya, yang kaya memberikan jubah atau pakaian kepada yang miskin?” Abu Ismail menjawab dengan jawapan yang negatif. Imam AS amat terkejut mendengar jawapannya dan berkata, “Oleh yang demikian mereka bukanlah bersaudara.”

Bab V

Balasan Syurga Bagi Orang Yang Membantu Memenuhi Keperluan Dan Kesusahan Orang-orang Mu'min Serta Memberikan kemudahan Kepada Mereka

1. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seseorang yang melakukan sesuatu secara ikhlas kepada seorang Muslim, maka Allah SWT menulis dalam kitabnya satu kebaikan untuk setiap langkah dan menghapuskan satu keburukan untuk setiap langkah seterusnya tidak kira sama ada dia berjaya dalam urusannya itu atau tidak. Tetapi jika tidak ikhlas, bermakna dia menipu Allah dan RasulNya. Maka mereka akan menjadi musuhnya."
2. Imam yang sama AS berkata, "Allah telah memilih di kalangan manusia untuk memberikan kemudahan (pertolongan) kepada Syi'ah Ali AS yang memerlukan dan mereka akan masuk ke syurga disebabkan perbuatan mereka ini."
3. Imam yang sama AS berkata, "Seorang mu'min yang memberikan kemudahan (pertolongan) kepada saudaranya yang berada dalam kesusahan akan dipermudahkan Allah SWT 70 kali kesusahan dunia dan akhirat. Barang siapa yang memberikan sesuatu kepada orang mu'min yang miskin, Allah akan memudahkan keperluan untuknya di dunia dan di akhirat nanti. Barang siapa memberikan pakaian kepada orang mu'min yang miskin, dia akan diberikan 70 pakaian oleh Allah. Allah menolong orang yang menolong orang mu'min. Maka sewajarnya kalian berusaha mendapatkan pemberian ini."
4. Imam Mohammad Baqir AS berkata, "Berusaha satu langkah ke arah kepentingan seorang mu'min adalah umpama melakukan 10 amal kebaikan, dan adalah lebih baik daripada membebaskan 10 orang hamba, berpuasa sebulan dan melakukan I'tikaf di masjid Ka'bah (Masjidil Haram)."
5. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "memberikan kemudahan kepada seorang mu'min untuk keperluannya adalah lebih baik daripada menyediakan seribu ekor kuda di jalan Allah dan membebaskan seribu hamba." Imam yang sama berkata seorang mu'min yang berusaha untuk melakukan sesuatu kebaikan untuk saudara mu'minnya, Allah akan mencatatkan dalam kitabnya satu kebaikan pada setiap langkah yang dia lakukan untuk melakukan kebaikan itu, menghapuskan satu keburukan pada setiap langkah dan menaikkan darjatnya. Imam AS selanjutnya berkata bahawa seorang mu'min yang memberikan kemudahan kepada seorang mu'min lain yang dalam kesusahan, Allah akan membebaskannya daripada 70 kesusahan di dunia ini dan di akhirat kelak. Beliau AS berkata bahawa menolong seorang yang mu'min yang

mustad'fin adalah lebih baik daripada berpuasa selama sebulan dan menunaikan E'tikaf di Masjidil Haram Ka'bah.

6. Nasr bin Qaboos meriwayatkan bahawa dia berkata kepada Imam Musa al-Kazim AS, "Kami diberitahu bahawa seorang lelaki datang menemui Imam Husayn AS meminta bantuan beliau AS. Tetapi pada ketika itu dia beritahu khabar Imam Husayn AS sedang ber'itikaf. Justeru lelaki itu pergi menemui Imam Hasan AS meminta bantuan beliau AS. Imam Hasan AS ketika menunaikan permintaan lelaki itu menyatakan bahawa adalah lebih baik melakukan sesuatu untuk keperluan seorang mu'min daripada ber'tikaf selama dua bulan di Masjidil Haram Ka'bah. Pada ketika ini, Imam Musa al-Kasim AS berkata, "Memang benar, ia adalah lebih baik daripada ber'tikaf untuk masa yang panjang."
7. Seorang lelaki dari Huiwan meriwayatkan bahawa ketika dia sedang bertawaf mengelilingi Ka'bah, seorang daripada saudara Syi'ah mendekatinya dan memintanya meminjamkan wang kepadanya sebanyak dua dinar. Perawi ini memberitahu lelaki itu supaya menunggunya selesai mengerjakan tawaf. Pada ketika itu beliau telah bertawaf lima kali dan sedang melakukan yang keenam. Pada ketika itu Imam Ja'far al-Sadiq AS datang dan meletakkan tangannya di bahu perawi tersebut, dan mulai berbicara dengannya. Apabila mereka sampai ke tempat lelaki itu dan perawi itu memberikan isyarat tangan kepadanya, Imam AS bertanya tentang hal itu. Perawi itu memberitahu kepada Imam AS tentang perkara tersebut. Imam Ja'far al-Sadiq AS pada ketika mengangkat tangannya dari bahu perawi itu dan mengarahkannya meninggalkan tawaf dan menunaikan permintaan lelaki tersebut. Perawi itu pun menunaikan permintaan lelaki tersebut. Pada keesokan harinya apabila perawi itu menemui Imam AS, Imam AS memendekkan perbualan dengan sahabat-sahabatnya, berkata kepada lelaki itu, "Tidakkah engkau tahu? Memberikan kemudahan kepada seorang mu'min demi keperluannya adalah lebih baik daripada membebaskan seribu hamba dan menyediakan seribu kuda dengan segala kelengkapannya untuk pergi ke jalan Allah."
8. Imam Muhammad al-Baqir AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Barang siapa yang menyenangkan seorang mu'min, telah menyenangku, dan barang siapa yang menyenangkanku, telah menyenangkan Allah."
9. Musmey meriwayatkan bahawa dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa yang menyenangkan seorang mu'min yang menghadapi kesusahan di dunia ini, Allah akan menyenangkan mereka pada kesusahan di akhirat dan mereka akan keluar dari kuburan mereka dengan hati yang gembira."
10. Imam Ja'far al-Sadiq AS AS berkata, "Barang siapa yang bertawaf di sekeliling Ka'bah, Allah menuliskan dalam kitabnya, enam ribu kebaikan,

menghapuskan enam ribu kejahatan, dan menaikkan darjatnya enam ribu darjat. Tetapi menyenangkan seorang mu'min untuk keperluannya, adalah lebih baik daripada sepuluh ribu tawaf.”

11. Imam yang sama AS berkata, “Memberikan kemudahan kepada seorang mu'min untuk keperluannya adalah lebih baik daripada membebaskan seribu hamba dan menyediakan seribu kuda untuk Fi-Sabillah.”
12. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Barang siapa yang memberikan kemudahan kepada seorang Muslim, Allah janjikan syurga untuknya.”
13. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, “ Seorang mu'min yang tidak berusaha membantu saudaranya yang memerlukan bantuan sedangkan dia ketika itu berkemampuan, Allah akan mengiriskan ular di kuburnya untuk mengigit jejarinya.”
14. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Seseorang yang menolong saudaranya yang memerlukan, Allah akan menuliskan dalam kitabnya sepuluh amal baik, menghapuskan sepuluh amal buruk, dan menaikkan darjatnya sepuluh darjat. Perbuatannya itu sama seperti membebaskan sepuluh orang hamba, berpuasa selama sebulan dan melakukan E'tikaf di Masjidil Haram Ka'bah.”
15. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, “Seseorang yang memberikan pertolongan kepada seorang Muslim untuk mengatasi kesusahan di dunia ini, Allah akan memudahkan baginya kesusahan yang bakal ditempuhinya di Hari Pembalasan, dan dia akan keluar dari kuburnya dengan hatinya sejahtera.”
16. Imam Musa al-Kazim AS berkata, “ Seseorang yang memberikan kemudahan kepada seorang Muslim untuk keperluan duniawinya, Allah akan memberikan kemudahan baginya ketika menghadapi kesusahan di Hari Pembalasan.”
17. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Allah mendedahkan kepada Nabi Musa AS, “Ada di kalangan makhluk-makhluk pilihanKu yang Aku memberikan kebebasan kepadanya di Syurga dan ada Aku lantik mereka menjadi pemerintah. Nabi Musa AS bertanya tentang orang-orang yang dimaksudkan itu. Allah berfirman, “Mereka ada orang-orang yang membawa kebahagiaan kepada saudara-saudara mereka orang-orang yang beriman.” Imam kemudian menceritakan tentang kisah seorang mu'min yang lari dari kerajaan yang zalim dan meminta perlindungan dari kerajaan kafir. Orang kafir itu menerima orang mu'min dengan kasih sayang dan diberikan kehormatan yang sewajarnya. Apabila orang kafir itu meninggal dunia, Allah berkata kepadanya, “Walaupun tidak ada tempat di Syurga bagi orang kafir, namun disebabkan kebaikan yang telah engkau lakukan kepada orang mu'min itu, maka engkau akan

diselamatkan dari kepanasan api neraka dan diberikan makanan untukmu dua kali sehari.”

18. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, “Orang yang membantu untuk keperluan saudara Muslim, nescaya Allah akan menuliskan dalam kitabnya sepuluh kebaikan, menghapuskan sepuluh amal buruk, menaikkan darjatnya sepuluh darjat dan memberikannya sepuluh darjat dan memberikannya perlindungan Pada Hari Pengadilan ketika tidak ada perlindungan (selain daripada perlindunganNya).”
19. Abu Hamzah meriwayatkan daripada Imam Kelima atau Keenam bahawa beliau AS berkata, “Seseorang yang memberikan sesuatu kepada orang mu'min dalam jual-belinya, Allah akan memberikan pemberianNya Pada Hari Pengadilan.”
20. Imam Ja'far al-Sadiq As berkata, “Barang siapa yang membawa kegembiraan kepada seorang mu'min, Allah akan menciptakan satu imej daripada kegembiraan itu dan memerintahkannya berada di sisinya sepanjang hayatnya dan selepas kematiannya untuk memberikan kesukaan kepadanya dan memberikannya nasihat dan bimbingan ketika dalam kesusahan dan malapetaka.”
21. Imam yang sama AS berkata, “Amal yang paling baik adalah membawa kegembiraan kepada seorang mu'min, memberikannya makanan, memberikannya bantuan ketika dia dalam kesusahan atau membayar hutang-hutangnya.”
22. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Seseorang yang menghormati saudara seMuslimnya dalam sesuatu majlis dengan kata-kata atau seumpamanya, dia akan diberikan perlindungan oleh dua malaikat.”
23. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, “Allah menyatakan kepada Nabi Musa AS, “Ada berkata yang dekat denganKu disebabkan amal baik mereka. Nabi Musa AS bertanya tentang amal baik tersebut. Allah berfirman, “Iaitu memberikan kegembiraan kepada seorang mu'min.”
24. Imam yang sama AS berkata, “Bergegas melangkah untuk membantu seorang Muslim adalah lebih baik daripada tawaf di sekeliling Ka'bah.”
25. Imam yang sama AS, berkata, “Membawa kegembiraan kepada seorang mu'min adalah satu daripada perbuatan yang disukai Allah.”
26. Safwan berkata bahawa ketika dia bersama Imam Ja'far al-Sadiq AS pada hari Tarwih apabila Harun al-Qaddah datang dan menyatakan kepadanya tentang kesukaran untuk melakukan perjalanan (kerana tidak ada haiwan tunggangan). Imam AS memerintahkan Safwan pergi membantunya. Safwan pergi dan menyediakan pengangkutan haiwan kepadanya untuk di sewa dan kemudian dia kembali kepada Imam AS.

Imam AS amat berpuas hati dalam hal tersebut, berkata kepada Safwan, “Menolong seorang saudara Muslim adalah lebih baik daripada bertawaf di sekeliling Ka’bah selama seminggu.” Seorang lelaki datang kepada Imam Hasan AS dan meminta pertolongannya dalam sesuatu perkara. Imam Hasan AS pada ketika itu segera menolongnya. Ketika dalam perjalanannya, dia melihat saudaranya Imam Husayn AS sedang bersolat di masjid. Dia bertanya kepada orang itu kenapa dia tidak meminta bantuan daripada Imam Husayn AS. Orang itu menjawab bahawa dia telah pergi untuk meminta bantuan daripadanya tetapi seseorang memberitahunya bahawa Imam Husayn AS sedang melakukan E’tikaf di masjid. Pada ketika ini, Imam Hasan AS berkata, “Jika saudaraku Husayn mahu membantumu, ia adalah lebih baik kepadanya daripada melakukan E’tikaf selama sebulan.

27. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Perbuatan yang paling baik kepada seorang Muslim ialah membawa kegembiraan kepada saudara seMuslimnya. Dan barang siapa memberikan kesukaan kepada seorang Muslim, Allah akan menyukainya.”
28. Abul Hasan AS berkata, “Allah telah menyediakan satu tempat di syurga untuk tiga jenis golongan. Pertama, adalah para Imam. Kedua, adalah orang-orang Islam yang mengizinkan saudaranya menggunakan wangnya. Dan ketika ialah golongan Islam yang melangkah keluar untuk membantu saudara-saudaranya sama ada dia berjaya atau tidak.”
29. Mohammad bin Marwan meriwayatkan bahawa Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Barang siapa yang melangkah keluar untuk membantu saudara seMuslimnya, Allah akan menuliskan dalam kitabnya sepuluh amal baik, menghapuskan sepuluh amal buruk dan menaikkan darjatnya sepuluh darjat. Perbuatannya ini adalah lebih baik daripada membebaskan sepuluh orang hamba, melakukan E’tikaf di Masjidil Haram Ka’bah dan berpuasa selama sebulan.”
30. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Seseorang yang melangkah keluar untuk melakukan perkerjaan untuk saudara seMuslimnya dan sama ada dia berjaya atau tidak, Allah tetap memberikannya ganjaran satu kedudukan yang kukuh di sisiNya Pada Hari Pengadilan.”
31. Imam Ja’far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, “Barang siapa yang membantu saudaranya yang tertindas dan meringankannya daripada kesusahan, Allah menyediakannya dengan tujuh puluh dua rahmat yang mana satu sahaja daripadanya cukup untuk membawa kebahagiaannya di dunia dan tujuh puluh satu lagi adalah untuk kehidupannya di akhirat.”
32. Imam yang sama AS meriwayatkan Nabi SAWA berkata, “Barang siapa yang memberikan penghormatan kepada seorang mu’min, dia telah memberikan penghormatan kepada Allah Yang Maha Berkuasa.”

33. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apabila kalian melakukan sesuatu untuk seorang mu'min, kalian hendaklah menjaga tiga perkara. Pertama, kalian bersegera terhadap perkara yang akan kalian lakukan itu. Kedua, kalian menganggap keperluannya itu dan pertolongan kalian adalah perkara kecil dan Ketiga kalian menyembunyikannya dari pengetahuan orang lain."
34. Imam yang sama AS, "Barang siapa yang memberikan pinjaman kepada seorang mu'min demi kerana Allah, akan diberikan ganjaran olehNya dengan ganjaran kebajikan. Mendoakan seorang mu'min ialah menjauhkannya daripada kesusahan dan mendatangkan kepadanya kemakmuran."
35. Ibrahim-at-Taimy berkata bahawa pada suatu ketika beliau bertawaf di sekeliling Ka'bah, apabila Imam Ja'far al-Sadiq AS meletakkan bahunya di atas bahu beliau dan berkata, "Adakah anda ingin mengetahui kebaikan daripada tawaf ini?" Ibrahim berkata beliau amat ingin mengetahuinya. Imam AS berkata, "Seorang Muslim yang melakukan tawaf di sekeliling rumah ini (Ka'bah) tujuh kali, kemudian meneruskannya dengan bersolat dua rakaat di Maqam Ibrahim AS, Allah akan menuliskan dalam kitabnya seribu amal kebaikan, menghapuskan seribu amal buruk, dan menaikkan darjatnya seribu darjat." Kemudian Imam AS bertanya Ibrahim Tamiy sama ada beliau mahu mengetahui tentang sesuatu yang lebih tinggi ganjarannya dan Ibrahim menjawab beliau mahu mengetahuinya. Imam AS berkata, "Membantu seorang mu'min daripada kemelut kesusahannya, adalah lebih baik daripada tujuh tawaf di sekeliling Ka'bah, sepuluh kali dan sepuluh kali."
36. Aban bin Taghlib bertanya Ima Ja'far al-Sadiq AS tentang hak-hak seorang mu'min di atas saudaranya. Imam AS berkata, "Hak-hak seorang mu'min ada amat besar dan aku bimbang anda tidak akan mempercayainya jika aku nyatakan kepada anda. Apabila seorang mu'min keluar dari kuburnya, satu rupa bentuk manusia keluar bersamanya dan memberikannya berita gembira dan kebahagiaan dari Penciptanya. Kemudian lembaga itu mengiringinya dalam perjalanannya. Apabila dia berasa takut sesuatu perkara, ia akan memberikannya kata-kata semangat bahawa perkara itu bukan untuknya. Dan apabila dia menemui hal yang menyenangkannya, ia akan berkata hal ini adalah sesuai untuknya. Dengan cara ini, ia sentiasa mendampinginya sehingga dia di masukkan ke dalam syurga. Pada masa itu orang mu'min itu bertanya lembaga manusia itu tentang identitinya. Lembaga manusia ini menyatakan bahawa dia adalaah suatu rupa bentuk kebahagiaan yang diciptakan Allah kerana sikapnya memberikan kesenangan kepada saudaranya semu'minnya dalam urusan keduniaan.
37. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata bahawa Allah mendedahkan kepada Nabi Daud AS, "Ada di kalangan makhluk-makhlukKu datang kepadaKu

dengan amal baik yang dengannya sahaja akan melayakkannya masuk ke syurga.” Nabi Daud AS menyatakan keinginannya untuk mengetahui lebih lanjut. Allah SWT berfirman, “Ia adalah memberikan kebahagiaan kepada seorang mu’min walaupun dengan sebiji buah kurma.” Pada peringkat ini, Nabi Daud AS menyeru, “Wahai Tuhanku, ia adalah tugas suci kepada orang-orang yang mengenaliMu dan tidak berputus asa.”

38. Imam yang sama AS berkata, “Apabila seorang Muslim datang kepada saudara seMuslimnya dalam sesuatu urusan, dan saudaranya bersamasamanya dalam urusan tersebut, dia umpama seperti seorang yang berjihad di medan perang demi untuk Allah.”
39. Imam yang sama AS berkata, “Barang siapa yang membantu saudaranya yang dizalimi dan menyenangkan hatinya daripada penderitaan dan memenuhi keperluannya, maka dijamin oleh Allah tujuh puluh dua rahmat. Satu sahaja sudah mencukupi untuk memberikan kehidupannya di dunia bahagia. Baki tujuh puluh satu rahmat disediakan untuknya Pada Hari Keadilan yang akan menyelamatkannya daripada malapetaka yang dahsyat pada hari tersebut.”

Bab VI

Ziarah Orang Mu’min Yang Sakit

1. Nabi SAWA berkata, “Seorang mu’min yang pergi menziarahi seorang mu’min yang sakit, adalah berada dalam rahmat kasih sayang Allah SWT, dan apabila dia berada bersamasamanya dan bertanya tentang keadaan kesihatannya, beribu-ribu malaikat mendoakannya pada sepanjang hari atau sepanjang malam.”
2. Imam Ja’far al-Sadiq AS berkata, “Seorang mu’min yang melawat saudaranya bertanya khabar tentang kesihatannya dan duduk bersamasamanya, adalah berada dala rahmat kasih sayang Allah SWT dan beribu-ribu malaikat mendoakannya dari pagi hingga ke petang, dan jika dia mengulangi lawatannya itu pada waktu petang, mereka mendoakannya untuk sepanjang malam.”
3. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, “Apabila seorang Muslim datang menziarahi rumah saudaranya demi kerana Allah, nescaya Allah melantik tujuh puluh ribu malaikat untuknya supaya mengikutinya dan mengucapkan tahniah kepadanya dari belakang dan berkata, “Bergembiralah. Syurga adalah untukmu.”
4. Diriwayatkan Amirul Mu’minin Ali AS ketika beliau meminta salah seorang sahabatnya menemaninya melawat seorang yang sakit. Orang itu menemani Amirul Mu’minin pergi ke rumah orang sakit tersebut. Apabila

- Amirul Mu'minin masuk ke dalam, beliau mendapati Aba Musa berada di dalam bersama orang sakit itu. Amirul Mu'minin bertanya Aba Musa sama ada dia datang untuk bertanya khabar tentang kesihatan orang itu atau tentang urusan lain. Aba Musa menjawab, dia datang ke rumah orang itu untuk bertanya khabar tentang kesihatannya. Pada ketika ini, Amirul Mu'minin AS berkata, "Apabila seorang mu'min datang untuk bertanya khabar tentang kesihatan saudaranya, maka beribu malaikat berdoa untuknya sehingga dia kembali ke rumahnya."
5. Imam Mohammad Al-Baqir AS meriwayatkan dari ayahandanya Imam Ali Zainal Abidin AS, dari ayahandanya Imam Husayn AS, dari Nabi SAWA dari Jibril AS bahawa Allah mengirinkan seorang malaikat ke bumi dan ketika dia sampai ke pintu rumah seseorang, seorang lain juga sedang meminta izin untuk masuk ke dalam rumah tersebut. Malaikat berhenti sebentar dan bertanya orang itu mengapa dia mahu masuk ke dalam rumah tersebut. Orang itu menjawab bahawa tuan rumah tersebut adalah saudara se Muslimnya dan dia sedang sakit. Justeru, dia mahu melihatnya dan bertanya khabar tentang kesihatannya hanya kerana Allah SWT. Malaikat itu memberitahu orang tersebut bahawa dia adalah utusan Allah kepadanya dan telah membawa salam Allah kepadanya kerana tindakannya ini. Malaikat itu seterusnya menyatakan kepadanya bahawa Allah telah menjamin syurga baginya dan adalah menjadi ketetapan Allah bahawa barang siapa di kalangan Muslim yang mahu melihat saudara seMuslimnya yang sedang sakit, diumpamakan seperti dia menziarahi Allah SWT dan diberikan ganjaran syurga."
 6. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan Nabi SAWA berkata kepada sahabat-sahabatnya, " Adakah kalian suka aku nyatakan kepada kalian tentang orang-orang yang akan masuk ke syurga?" Mereka adalah Nabinabi, para pendokong mereka, para syuhuda, orang yang tidak bersalah dan orang-orang yang menziarahi saudaranya dari satu tempat yang jauh di sebuah kota demi kerana Allah."
 7. Abu Hamzah meriwayatkan bahawa dia mendengar Imam AS berkata, "Barang siapa yang pergi melawat saudara semu'minnya demi kerana Allah, bagi mendapatkan ganjaran pahala, Allah melantik tujuh puluh ribu malaikat untuknya apabila dia keluar dari rumahnya. Mereka memberikan tahniah kepadanya dan berkata, "Bergembiralah. Syurga adalah untuk anda. Anda telah mendapat satu tempat di sana."
 8. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seorang mu'min yang melawat saudara semu'min, Allah berkata kepadanya, "Bergembiralah. Kesenangan syurga adalah untukmu."
 9. Imam yang sama AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Seorang Muslim yang pergi menziarahi saudaranya yang sedang menderita sakit dan duduk dekat dengannya untuk menyenangkan hatinya akan mendapat rahmat Allah yang amat besar, dan apabila dia

- kembali ke rumahnya, tujuh puluh ribu malaikat berjalan bersama-sama dan berkata, "Tahniah, ke atas kejayaan anda mendapat syurga."
10. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata bahawa Allah menyediakan satu tempat yang tinggi di syurga untuk tiga jenis manusia. Mereka adalah orang-orang tidak mementingkan kehendak dirinya sendiri, mereka yang melawat saudaranya untuk mendapat kebaikan dan mereka yang melakukan amal baik untuk saudara mereka semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah."
 11. Diriwayatkan kedua-dua Imam Mohammad al-Baqir AS dan Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Pada Hari Keadilan kelak, Allah akan menyeru orang-orang beriman ke SinggahsanaNya, menghisabnya dengan hisab yang mudah, dan Dia akan berkata, "Mengapa engkau tidak menziarahiKu ketika aku sakit?" Orang Mu'min itu berkata,"Engkau adalah Tuhan PenciptaKu dan aku adalah makhlukMu yang lemah. Tidak ada sakit dan kesakitan yang boleh menimpa ke atasMu." Allah SWT berkata, "Benar, memang demikian. Tetapi tidakkah engkau ingat tentang seseorang – anak kepada seseorang?"Allah SWT berkata, "Mengapa engkau tidak pergi menziarahinya ketika dia sedang sakit? Jika engkau pergi ke sana maka engkau akan dapati Aku ada di sana untuk memberikan segala keperluanmu, memenuhi permintaanmu dan mengkabulkan doa-doamu."
 12. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, seorang malaikat berlalu di hadapan seorang lelaki yang sedang berdiri di pintu rumah lelaki lain. Malaikat itu bertanya orang itu alasan dia berdiri di situ. Orang itu menjawab bahawa rumah itu yang dia hendak ziarahi itu didiami oleh seorang saudara Muslim. Malaikat bertanya adakah ada hubungan tertentu di antara mereka atau dia ada sesuatu urusan dengan orang tersebut. Lelaki itu menjawab tidak sama sekali dan berkata dia tidak ada sebarang urusan dengan lelaki itu dan hanya ada satu alasan sahaja yang menghubungkan mereka iaitu Islam. Dia selanjutnya menyatakan dia menziarahi orang itu hanya kerana Allah semata-mata. Pada ketika ini, malaikat tersebut memberitahu kepadanya bahawa dia (malaikat) adalah utusan Allah dan telah membawa salam dari Allah dan dengan disebabkan dia menziarahi lelaki itu hanya kerana Allah, maka Allah menjaminnya dengan syurga dan menyelamatkannya dari bencana api Neraka."
 13. Imam Mohammad al-Baqir As berkata, "Seorang Mu'min yang menziarahi seorang Mu'min yang lain, diumpamakan seperti dia telah menziarahi Allah SWT. Dan seorang Mu'min, yang melawat saudaranya yang sakit dan duduk di sampingnya untuk menenangkan dan mengembirakan hatinya, adalah berada dalam rahmat Allah yang melimpah-ruah; dan apabila dia kembali ke rumahnya, tujuh puluh ribu malaikat dilantik untuk mendoakannya. Mereka mengucapkan tahniah ke atasnya di atas pencapaiannya mendapat tempat yang luas di Syurga."

Bab VII

Tentang Balasan Syurga Kerana Memberi Makan dan Pakaian Serta Membayarkan Hutang Orang Mu'min

1. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Memberi makan kepada orang-orang Islam adalah sama dengan membebaskan seorang hamba yang dimiliki oleh ahli keluarga keturunan Nabi Ismail iaitu Nabi (Muhammad SAWA)."
2. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Mengalu-alukan dua orang Mu'min masuk ke rumah dan memberikan makanan kepada mereka adalah lebih baik daripada membebaskan seorang hamba."
3. Imam Zainal Abidin AS berkata, "Seseorang yang memberikan makanan untuk seorang Mu'min yang lapar, nescaya Allah akan memberikan makanan untuknya dengan buah-buahan syurga. Barang siapa yang memberikan minuman kepada seorang Mu'min yang dahaga, nescaya Allah akan menghilangkan kehausannya Pada Hari Keadilan dengan minuman-minuman Syurga. Pada barang siapa, yang memberikan beberapa pakaian kepada seorang Mu'min yang memerlukan, akan berada di bawah perlindungan Allah selagi (pemberian itu) masih ada."
4. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa yang memberikan makanan kepada seorang Mu'min yang lapar nescaya akan diberikan buah-buahan Syurga, barang siapa yang memberikan minuman kepada seorang Mu'min yang dahaga, akan disediakan dengan minuman dari Syurga dan barang siapa yang memberikan pakaian kepada seorang Mu'min yang memerlukan, akan berada di bawah perlindungan Allah selagi (pemberian itu) masih ada."
5. Imam yang sama AS berkata kepada salah seorang sahabatnya, "Wahai Tsabit, dapatkah anda membebaskan seorang hamba setiap hari?" Thabit menjawab bahawa dia tidak mampu berbuat demikian. Kemudian Imam AS berkata, "Bolehkan anda memberikan makanan kepada empat orang Mu'min pada setiap hari dan malam?" Thabit menjawab bahawa dia boleh berbuat demikian. Imam AS berkata, "Perbuatan itu adalah sama dengan membebaskan seorang hamba."
6. Imam yang sama AS berkata, "Barang siapa yang memberikan seorang Mu'min pakaian, akan berada di bawah rahmat Allah selagi pakaian tersebut masih ada. Barang siapa yang memberikan minuman kepada seorang Mu'min, nescaya Allah akan menghilangkan dahaganya dengan minuman dari Syurga, dan barang siapa yang memberikan makanan kepada seorang Mu'min nescaya akan diberikan makanan dari buah-buahan Syurga."

7. Amirul Mu'minin AS berkata, "Memberikan makanan kepada saudara anda adalah lebih baik daripada memberikan wang sedirham kepada orang lain, dan memberikan sedirham wang kepada saudara anda adalah lebih baik daripada memberikan sepuluh dirham kepada orang lain, dan memberikannya sepuluh dirham adalah lebih baik daripada membebaskan seorang hamba."
8. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seorang Mu'min, yang memberikan makanan kepada orang lain sehingga ia berasa puas hati, nescaya Allah akan memberikannya makanan buah-buahan dari Syurga, dan orang yang memberikan minuman kepadanya akan mendapat minuman dari Syurga daripada Allah, dan orang yang memberikannya pakaian, akan mendapat pakaian berwarna hijau dari Syurga dan akan berada di bawah perlindungan Allah."
9. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Ada tiga perkara yang disukai Allah. Ia adalah memberikan makanan kepada orang-orang Islam yang lapar, menghilangkan penderitaannya dan membayarkan hutang-hutangnya."
10. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Berita baik yang mula-mula sekali diperolehi oleh seorang Mu'min dalam kuburnya adalah (dosa-dosa) orang-orang yang mengiringinya ke tanah perkuburan itu akan diampunkan."
11. Sudair berkata bahawa Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata kepadanya, "Dapatkah anda membebaskan seorang hamba setiap hari?" Sudair menjawab bahawa dia tidak dapat berbuat demikian. Imam al-Sadiq AS berkata, "Lantaran itu hendaklah anda memberikan makanan kepada seorang Mu'min pada setiap hari." Sudair bertanya kepada Imam AS adakah dia patut memberikan makanan hanya kepada orang Mu'min yang miskin atau yang kaya juga?" Imam AS berkata, "Orang yang kaya dapat membeli makanan mereka setiap hari."
12. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Memberikan makanan kepada seorang Muslim adalah umpama membebaskan seorang hamba."

Bab VIII

Tentang Perkara Yang Tidak Patut Dilakukan Kepada Orang-orang Mu'min

1. Zurarah berkata dia mendengar Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seorang Mu'min yang setiap mencari kesalahan saudaranya untuk mencelanya adalah lebih hampir kepada kekufuran."

2. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa yang mencela seorang Mu'min sedangkan hal itu tidak benar sama sekali, akan dibangkitkan dari kuburnya Pada Hari Kebangkitan dengan kakinya dipenuhi dengan lumpur kotor."
3. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Barang siapa yang dengan sengaja menyebarkan keburukan orang lain adalah umpama dirinya sendiri yang melakukannya, dan barang siapa yang mencela dan menghina seorang Mu'min nescaya dirinya sendiri akan dihina dengan cara yang sama sebelum kematiannya."
4. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Hendaklah wujud saling menghormati di antara dua orang Mu'min. Jika seorang Mu'min memutuskan hubungan persaudaraan dengan saudaranya yang Mu'min itu, dia telah membawa dirinya di tepi jurang kekufuran. Dan jika dia tidak sengaja mencaci saudaranya, imannya sendiri telah larut seperti larutnya seketul garam dalam air."
5. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apabila seorang mencela saudaranya tanpa sebab, dia telah memotong hubungannya dengan saudaranya itu. Jika dia mengisytiharkan saudaranya itu sebagai musuh, maka dia telah melakukan perbuatan kufur. Dan jika dia secara tidak betul mencelanya, maka imannya sendiri telah larut seperti seketul garam melarut dalam air."
6. Nabi SAWA berkata, "Barang siapa yang tidak menyukai sesuatu perkara kepada saudaranya sama seperti dirinya sendiri adalah sebenarnya bukan saudaranya."
7. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Mengharapkan sesuatu kebaikan dari orang Mu'min adalah perkara yang sukai Allah dan mencela seorang Mu'min selepas kematiannya adalah seperti mencelanya pada ketika hidupnya."
8. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seorang Mu'min yang tidak membantu saudara Mu'minnya apabila dia berkemampuan tidak akan memperolehi pertolongan Allah, sama ada di dunia atau di akhirat."
9. Imam J'afar al-Sadiq AS berkata, "Seorang Mu'min yang diminta bantuannya oleh saudaranya, berkemampuan melakukannya tetapi tidak melakukannya, nescaya Allah akan mengiriskan ular di kuburnya untuk mengigit jari-jarinya."
10. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Seorang Mu'min yang tidak ikhlas terhadap saudara Mu'minnya adalah tidak ikhlas kepada Allah dan NabiNya SAWA."

11. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Janganlah kamu meremehkan saudaramu yang miskin, kerana Allah mempunyai kasih sayang terhadapnya disebabkan tindakan kamu kepadanya dan kekayaanmu mungkin akan hapus."
12. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa yang mencela seorang Mu'min yang miskin, nescaya Allah membencinya sehingga dia membayar kaffarah di atas perbuatannya itu."
13. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Memberikan kegembiraan kepada seorang Mu'min adalah umpama memberikan kegembiraan kepada Nabi SAWA dan barang siapa yang memberikan kegembiraan kepada Nabi SAWA, dia telah memberikan kegembiraan kepada Allah, begitu juga perbuatan yang menyebabkan orang Mu'min tidak suka adalah umpama menyebabkan Nabi SAWA tidak suka."
14. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Allah mengisytiharkan bahawa barang siapa yang menghina 'sahabat-sahabat'Nya, telah mengisytiharkan perang terhadapNya."
15. Moalla bin Khunais meriwayatkan bahawa dia mendengar Imam AS berkata, "Adalah menjadi ketetapan Allah bahawa barang siapa yang menghina 'sahabat-sahabat'Nya, telah mengisytiharkan perang terhadapNya dan akan membantu sahabat-sahabatNya tanpa ditanggukkan lagi."
16. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Bahawa malaikat Jibril AS datang kepada Nabi SAWA dan berkata, "Wahai Mohammad, Tuhan anda berkata bahawa barang siapa yang menghina sahabat-sahabatNya bererti berperang denganNya."
17. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa, yang menutup kesalahan orang-orang Mu'min (tidak menghebohkannya kepada umum), Allah akan menutup dosa-dosanya pada Hari Pengadilan, dan barang siapa yang mendedahkannya, Allah akan mendedahkan dosa-dosanya pada hari itu."
18. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Janganlah anda menyalahkan orang-orang Mu'min, dan janganlah mencari-cari kesalahan mereka, kerana barang siapa yang mencari-cari kesalahan orang-orang Mu'min, Allah akan mendedahkan dosa-dosa mereka dan mereka akan dihina di antara empat dinding rumah-rumah mereka."
19. Imam Mohammad Baqir AS berkata, "Barang siapa yang memberikan kegembiraan kepada Syi'ah kita, memberikan kegembiraan kepada Nabi SAWA dan barang siapa yang menyakiti Syi'ah kita, telah menyakiti Nabi SAWA."

20. Abdullah bin Sinan bertanya Imam Ja'far al-Sadiq AS adakah perbuatan mendedahkan rahsia orang-orang Mu'min dilarang. Imam AS berkata, "Benar, ia amat dilarang."
21. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Barang siapa yang mencari kesalahan seorang Mu'min tentang sesuatu perbuatan yang tidak dilakukannya, akan dibangkitkan dari kubur dan kakinya akan diselaputi dengan lumur kotor." Imam AS selanjutnya berkata, "Perbuatan mengumpat adalah menyatakan keburukan dan kesalahan seseorang yang benar-benar ada pada dirinya ketika dia tidak hadir; tetapi menyatakan ha-hal yang tidak ada pada diri seseorang adalah fitnah, di mana Allah berfirman, "Dan barang siapa yang mengerjakan kesalahan atau dosa, kemudian dituduhkannya kepada orang yang tidak bersalah, maka sesungguhnya ia telah berbuat sesuatu kebohongan dan dosa yang nyata." (4:112).
22. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Pembalasan, mereka hendaklah tidak berada dalam majlis yang mencela Imam-imam dan mengumpat orang-orang Mu'min kerana Allah berfirman dalam Kitab Suci, "Apabila kamu melihat orang-orang yang memperolok-olok ayat-ayat Kami, maka tinggalkan mereka sehingga mereka membicarakan pembicaraan yang lain. Dan jika syaitan menjadikan kamu lupa, maka janganlah kamu duduk bersama orang-orang yang zalim itu sesudah teringat." (6: 68)
23. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Orang yang mengada-adakan cerita palsu tentang orang Mu'min dengan tujuan untuk menghinanya, Allah akan menghinanya pada Hari Pengadilan."
24. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA memberikan amaran kepada orang-orang munafik supaya tidak mencari-cari kesalahan orang-orang Mu'min, nescaya Allah akan menghina mereka secara terang-terangan dan di antara empat dinding rumah mereka."
25. Mohammad bin Muslim meriwayatkan bahawa beliau mendengar Imam AS berkata bahawa Nabi SAWA berkata, "Tidak ada orang yang dapat menjadi Mu'min sejati sehinggalah jirannya berasa aman daripada kemarahan dan berlebih-lebihan."
26. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Rahsia-rahsia seorang Mu'min adalah sesuatu yang kudus kepada orang-orang Mu'min yang lain, iaitu tidak ada seseorang pun yang boleh mendedahkannya."
27. Imam Mohammad al-Baqir AS berkata, "Barang siapa, saudara Mu'minnya mengumpat di belakangnya dan dia tidak melakukan untuk menghentikan perbuatan tersebut, akan di hina di dunia dan di akhirat."

28. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Apabila seorang Mu'min secara tidak benar mencela saudaranya, dia akan jauh daripada persahabatan di antara mereka. Apabila seorang Mu'min memanggil saudaranya sebagai musuh, sama ada salah seorang daripada mereka kafir. Allah tidak menerima doa-doa orang-orang yang mencela orang-orang Mu'min. Dia juga tidak menerima doa-doa yang membenci dan meletakkan permusuhan dalam hati-hati mereka terhadap orang-orang Mu'min." Jika orang ramai dapat melihat perkara sebenarnya, mereka akan dapat melihat suatu kedudukan tinggi bagi orang-orang Mu'min, di mana mereka akan menundukkan kepada di hadapan mereka sebagai tanda hormat. Mereka akan melihat bahawa tidak ada satu amal pun yang diterima Allah kecuali orang-orang Mu'min."
29. Imam Ja'far al-Sadiq AS meriwayatkan bahawa Nabi SAWA berkata, "Kehidupan, kehormatan dan harta orang-orang Mu'min akan terpelihara."
30. Imam Ja'far al-Sadiq AS berkata, "Janganlah berasa gembira terhadap penderitaan saudaramu orang Mu'min, nescaya Allah akan belas ke atasnya dan anda akan menderita. Orang-orang yang berasa gembira terhadap penderitaan saudaranya tidak akan meninggalkan dunia ini melainkan dalam keadaan menderita juga."
31. Akhu Tirbal berkata bahawa dia mendengar Imam Ali AS berkata, "Ada beberapa perkara yang suci milik Allah di dunia ini. Mereka adalah al-Qur'an, Nabi SAWA dan Imam-imam Ahlul Bait AS, Ka'abah dan Mu'min yang sejati." Allah telah menjadikan di kalangan hamba-hambanya yang memenuhi keperluan orang-orang yang suka kepada amal baik dan menganggap amal kebajikan itu adalah suatu kebaikan dari Allah dan akhlak yang mulia. Kebaikan adalah untuk orang Mu'min dan memperolehi kekayaan tanpa melibatkan perkara dosa dan membelanjakannya tanpa melakukan dosa. Hati orang Mu'min sejati adalah lunak dan cinta kepada kelunakan (kelembutan). Orang yang terbaik ialah orang yang darinya kebaikan terpancar untuk manusia. Orang yang mendatangi kesedihan kepada seorang Mu'min dan kemudian cuba pula untuk membayar kaffarah (setelah menyesal) kepadanya, maka kaffarahnya itu tidak akan diterima dan dia tidak akan diberikan balasan dari perbuatannya itu. Orang yang mendatangkan kesusahan kepada orang Mu'min tanpa sebab umpama orang yang telah memusnahkan Mekah dan Baitul Makmur sepuluh kali dan umpama dia telah membunuh seribu malaikat Allah. Mengasihi seorang Mu'min demi kerana Allah semata-mata adalah sebahagian daripada iman. Ingatlah barang siapa yang cinta kerana redha Allah semata-mata, membenci kerana Allah semata-mata, memberikan sesuatu demi kerana Allah, dan menjauhi pemberian hanya kerana Allah (apabila dia tahu bahawa Allah tidak menyukainya) adalah salah seorang daripada hamba-hamba pilihanNya. Dia adalah salah seorang daripada orang-orang Islam yang sempurna, yang mana budi pekertinya amat disukai orang-orang lain.